

**Jilid IV
Bil. 5**



**Hari Isnin
17hb Mac, 1986**

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 673]

PENERANGAN SENDIRI OLEH YANG BERTHORMAT AHLI DARI KOTA MELAKA:

Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan di Raja [Ruangan 736]

RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 738]

USUL:

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong [Ruangan 740]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Menteri Kesihatan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

- Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Menteri Buruh, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ TAN SRI DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, P.M.N. D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).

- Yang Berhormat DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH BIN AGUNDONG (Ulu Padas).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).

- Yang Berhormat DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).

- Yang Berhormat TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K., (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Isnin, 17hb Mac, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN

RANCANGAN MALAYSIA
KELIMA—STRATEGI

1. **Tuan Khadri bin Sabran** minta Perdana Menteri menerangkan apakah strategi-strategi Kerajaan mengikut Rancangan Malaysia Kelima bagi mengatasi masalah kemiskinan penduduk-penduduk luar bandar.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dokumen Rancangan Malaysia Kelima akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada 21-3-1986, 2-3 hari lagi. Oleh yang demikian, segala penerangan untuk mengetahui strategi-strategi Kerajaan bagi mengatasi masalah kemiskinan penduduk-penduduk luar bandar mengikut Rancangan Malaysia Kelima akan dikemukakan kepada Dewan yang mulia ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan bagaimana Dewan yang mulia ini boleh membahaskan Rancangan Malaysia Kelima, kalau Rancangan ini pada 21hb ditetapkan dalam jadual

Parlimen bahawa perbahasan Rancangan Malaysia Kelima akan bermula pada 21hb, tetapi kalau rancangan itu dibentangkan dalam Parlimen untuk bacaan Ahli-ahli Yang Berhormat pada hari itu sahaja, bagaimana Ahli-ahli Parlimen cukup ada masa untuk baca dan buat satu penelitian yang mendalam untuk satu perbahasan yang sempurna. Bolehkah satu jaminan dibuat supaya Ahli Parlimen akan diberi masa yang cukup untuk membaca Rancangan Malaysia Kelima, rakyat juga boleh membaca sebelum satu perbahasan diadakan.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, dahulupun amalan yang serupa kita buat. Saya rasa oleh kerana kita mempunyai beberapa hari untuk berbahas rancangan itu sudah tentu, saya menganggap masa adalah mencukupi untuk berbuat demikian.

Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu:

- (i) ketika ataupun diambang berakhirnya Rancangan Malaysia Keempat dan kemunculan Rancangan Malaysia kelima, bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan berapa peratuskah kejayaan yang sebenar-benarnya telah dicapai oleh pihak Kerajaan bagi mengimbangkan taraf kehidupan penduduk-penduduk

yang berpendapatan rendah di peringkat sederhana dan yang berada.

- (ii) apakah sebab-sebabnya keadaan taraf hidup penduduk-penduduk di luar bandar, khasnya petani-petani, masih lagi dalam keadaan ataupun dalam tahap yang masih rendah, walaupun Rancangan Malaysia Keempat telah pun sampai ke saat berakhir.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan-soalan itu terkeluar daripada konteks soalan asal.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa jamkah Yang Berhormat menganggap sesuai dan cukup untuk membaca Rancangan Malaysia Kelima dan berapa jamkah atau berapa tahunkah Kerajaan telah mengambil masa untuk menyiapkan Rancangan Malaysia Kelima.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, mengenai berapa jam itu terpulanglah kepada Ahli Yang Berhormat masing-masing membaca, dan berapa jam kita menyiapkan itu saya tidak ada stastik, saya rasa bolehlah saya bisikkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

INSTITUT PENYELIDIKAN GETAH MALAYSIA— PENYELIDIKAN

2. **Tuan Othman bin Abdul** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa hasil penyelidikan Institut Penyelidikan Getah Malaysia telah berjaya menghasilkan jenis-jenis getah dan keluaran getah yang bermutu tinggi hingga menyebabkan kos pengeluaran yang tinggi yang juga menyebabkan harga jualan terpaksa ditinggikan; dan bahawa pembeli getah asli telah mengalih

haluan ke negeri jiran bagi mendapatkan getah asli dengan harga yang lebih murah apakah rancangan-rancangan pemasaran getah asli yang akan dilakukan oleh Kerajaan bagi menjamin pendapatan pekebun-pekebun kecil tidak terjejas.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak tepat menyatakan bahawa hasil-hasil penyelidikan oleh Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) merupakan punca yang menyebabkan kos pengeluaran yang tinggi kerana hasil-hasil daripada penyelidikan yang dijalankan selama ini telah berjaya meningkatkan produktiviti di kedua-dua sektor iaitu estet dan pekebun kecil. Walaupun adalah diakui bahawa kos pengeluaran Malaysia adalah tinggi dan meningkat dari masa ke semasa, tetapi ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor lain seperti kos buruh yang tinggi yang merupakan 60% dari jumlah kos pengeluaran.

Sebagaimana yang telah ditegaskan beberapa kali dahulu, pengeluaran kos pengeluaran melalui peningkatan produktiviti merupakan teras di dalam penyelidikan getah asli Malaysia dalam usaha-suaha kita untuk menentukan supaya industri getah Malaysia adalah kompetitif berbanding dengan negara-negara lain.

Berhubung dengan harga jualan getah Malaysia yang dikatakan lebih tinggi kalau dibandingkan dengan negara-negara lain, kita sepatutnya berbangga kerana pengguna-pengguna sanggup membayar getah Malaysia dengan harga yang lebih tinggi berikutan dari mutu getah kita yang lebih baik.

Malah pengguna-pengguna pada umumnya telah mengakui bahawa getah-getah yang dikeluarkan oleh Malaysia merupakan getah bermutu

tinggi dan gred premium. Keadaan ini telah memberi faedah kepada pekebun kecil yang telah menikmati pendapatan yang tinggi dan juga kepada negara di mana getah Malaysia pada keseluruhannya mendapat harga yang lebih baik jika dibandingkan dengan lain-lain negara.

Mengenai pembeli-pembeli getah asli yang mengalih haluan ke negara jiran kita mendapatkan getah asli dengan harga yang lebih murah, kita tidak sepatutnya khawatir kerana pasaran getah kita adalah lebih luas dan strategi yang digunakan di dalam pasaran getah Malaysia adalah berbeza dari negara-negara lain. Tidak seperti lain-lain negara yang menumpukan pasaran mereka kepada sesuatu negara seperti Indonesia mengeksport lebih daripada 50% ke Amerika Syarikat dan Thailand mengeksport lebih daripada 60% ke Jepun; tetapi bagi Malaysia kita mengeksport kepada lebih daripada 60 buah negara dan tidak ada negara yang menguasai lebih dari 10% dari eksport Malaysia. Dengan itu pengalihan pembelian ini tidak menjejaskan eksport kita malah pengeluaran bagi tahun 1984 dan 1985 jelas menunjukkan bahawa kita tidak mempunyai masalah mengeksport getah.

Bagi tahun 1984 eksport Malaysia sebanyak 1.588 juta tan adalah lebih tinggi dari pengeluaran sebanyak 1.529 juta tan.

Keadaan yang sama berlaku bagi tahun 1985 iaitu eksport sebanyak 1.498 juta tan setahun berbanding dengan pengeluaran sebanyak 1.456 juta tan setahun.

Walau bagaimanapun usaha-usaha akan terus dilakukan bagi mengukuhkan lagi eksport Malaysia ke pasaran yang sedia ada disamping mencari pasaran baru. Dalam hubungan ini beberapa misi galakan

bagi meningkatkan eksport getah Malaysia telah dan akan dihantar ke beberapa buah negara. Di samping itu kita juga mempunyai pejabat cawangan yang memberi khidmat nasihat teknik yang beroperasi di beberapa tempat strategik di seberang laut yang merangkumi kesemua pasaran utama.

Usaha-usaha galakkan dan teknikal seperti ini bukan sahaja dapat membantu pengguna-pengguna menghadapi masalah teknik dan memperkenalkan kepada pengguna-pengguna baru mengenai kelebihan getah asli dalam berbagai gunaan dari segi ekonomi dan teknikal tetapi juga dapat memperkenalkan dan menggalakkan kegunaan getah-getah baru hasil dari penyelidikan-penyelidikan yang dibuat.

Tuan Ismail bin Said: Soalan tambahan. Dalam jawapannya tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan beberapa faktor yang menyebabkan kos pengeluaran getah di negara kita tinggi. Jadi saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk mengurangkan kos pengeluaran ini supaya harga getah kita lebih kompetitif lagi di pasaran antarabangsa.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, satu daripada jalan yang kita adakan dari segi teknikal ialah segi penyelidikan yang dilakukan oleh RRIM seperti mewujudkan benih di mana penghasilan daripada pokok itu didapati lebih awal iaitu kalau dahulu 7 tahun mungkin kita perturunkan kepada 5 tahun. Dan juga dari segi mutu kita akan mempertingkatkan mutu keluaran kita. Tetapi dari segi buruh ini ialah masalah merangkumi ke seluruh industri di seluruh negara.

Kalau sekiranya pendapatan harian buruh di industri-industri lain adalah rendah dengan secara otomatis maka bayaran buruh di industri getah juga akan turun.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu pada masa ini pekebun-pekebun kecil masih menanam pokok getah baka yang kuno seperti jenis Siri 605, 623 dan sebagainya. Bilakah kadar baka yang baik seperti Siri RRIM 900 yang telah terbukti dapat mengeluarkan 20% hingga 30% lebih hasil dari siri yang lama akan diperkenalkan kepada beberapa pekebun-pekebun kecil tersebut dan bilakah pokok baka baru yang boleh ditoreh selepas ditanam 3½ atau 4 tahun, bukan 5 tahun seperti sekarang akan dapat diperkenalkan.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana wakil-wakil pekebun kecil adalah menganggotai Lembaga Pengarah RRIM, perkara ini jikalau sekiranya berlaku bahawa pekebun-pekebun kecil masih lagi menanam getah baka kuno atau baka lama maka pihak wakil-wakil pekebun kecil akan dinasihatkan oleh pihak RRIM untuk menasihatkan pekebun-pekebun kecil untuk menanam benih baka yang lebih baik sepertimana yang telah dilaksanakan oleh RRIM.

Tentang pokok yang boleh mengeluarkan hasil dalam tempoh 3½ atau 4 tahun ini masih lagi dalam kajian tetapi sudah hampir pun kajian itu akan tamat dan akan kita laksanakan.

Tuan Othman bin Abdul: Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa dalam tahun 1984 eksport kita adalah 1.588 juta tan, 1985, 1.49 juta tan. Ini menunjukkan jumlah penurunan walaupun sedikit. Jadi adakah

Kerajaan mempunyai perancangan-perancangan yang khusus untuk membolehkan pembeli-pembeli getah ini akan terus kekal dengan Malaysia selain daripada mengalakan pembelinya ke negara Indonesia, jiran kita, yang hanya menjual getah sekerap atau cup lump sedangkan kita menjual SMR di mana keduanya bukan finished product.

Yang keduanya, apabila produktiviti tinggi, jualan kita kurang, sudah pasti akan banyak berlaku lambakan atau lebihan di dalam pasaran. Bagaimanakah Kerajaan akan mengekalkan harga getah ini ke paras yang stabil jika sekiranya mempunyai lambakan getah yang banyak di dalam negara kita.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, kita memang sentiasa cuba untuk mengekalkan negara-negara yang sedang membeli getah-getah daripada negara kita. Jadi kita akan cuba sedaya upaya untuk memberi satu kepuasan kepada pihak pengguna dalam penggunaan getah kita. Ini dapatlah saya memberi kepastian kerana rombongan teknikal dari masa ke semasa akan dihantar ke negara-negara pengguna.

Masalah perlambakan getah dalam pasaran, saya fikir ini tidak wujud. Malahan di Malaysia pengeluarannya dalam tahun 1984-1985 tidak mencukupi seperti permintaan pengguna-pengguna di luar negeri. Dengan sebab itu soal perlambakan tidak wujud. Malahan kita terpaksa mencari getah tempat lain, di negara lain, untuk menampungkan kesan pengguna kerana pengeluaran kita tidak mencukupi.

PENGGANAS KOMUNIS DI SARAWAK

3. Tuan Andrew Janggi Muyang
minta Menteri Dalam Negeri

menyatakan jumlah penganas-pengganas komunis yang telah menyerah diri di Sarawak; dan adakah benar apabila menyerah diri mereka diberi layanan yang agak istimewa. Jika benar, mengapa.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada Operasi Sri Aman yang dilancarkan di Sarawak pada tahun 1973, seramai 570 orang penganas komunis di negeri itu telah menyerah diri dan dikembalikan ke pangkuan masyarakat.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada amalannya penganas komunis yang menyerah diri itu dikenakan Perintah Sekatan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 iaitu bagi tujuan pengawasan dan pemulihan. Semasa menjalani rancangan pemulihan ini, mereka telah diberi sedikit bantuan untuk membolehkan mereka menjalani hidup baru.

Tuan Mutang Tagal: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berapa jumlah mengikut kaum penganas-pengganas komunis yang masih berada di Sarawak dan berapa di antara mereka yang merupakan hard core.

Sila nyata sebab-sebab mengapa mereka masih tidak mahu menyerah diri sedangkan kita telah melancarkan Operasi Sri Aman dalam tahun 1973.

Kedua, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan supaya penganas-pengganas komunis ini tidak mempengaruhi kaum Punan di Sarawak oleh kerana jika kaum ini dipengaruhi dengan ideologi mereka, tentu ini akan mempersulitkan operasi tentera kita menangkap mereka memandangkan mereka adalah pakar dalam hutan, dengan izin, jungle expert.

Hakikat ini diakui oleh pihak tentera kita dan memandangkan baru-baru ini penganas komunis telah pun dilihat ataupun sighted di Bahagian Keempat iaitu di Baram di mana kaum Punan ini tinggal. Apakah langkah-langkah yang diambil supaya penganas-pengganas ini diusir kembali ke RASCOM supaya jangan melintasi sempadan Bahagian Keempat dengan Bahagian Kelima, termasuk ke daerah Limbang/Lawas dan terus ke Sabah dan supaya jangan mereka merebak di merata tempat di seluruh Sabah dan Sarawak.

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan yang pertama secara bertulis kerana ini memerlukan jawapan yang tepat. Bagi menjawab soalan yang kedua, inginlah saya menjelaskan di sini bahawa pihak Kerajaan, iaitu pihak keselamatan mempunyai strategi yang tertentu seperti mana yang telah dilaksanakan di Semenanjung Malaysia ketika kita menghadapi begitu ramai orang Asli di satu masa dahulu yang kita anggap amat merbahaya jika dihasuti oleh pihak komunis, tetapi bukanlah di tempat ini untuk saya hendak menghuraikan strategi yang terdapat, yang kita ada.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah adakah benar bahawa dalam dua bulan lepas 36 orang komunis telah menyerah diri kepada pihak Kerajaan? Kedua, adalah benar bahawa hanya kurang daripada 50 orang komunis masih berada di hutan di negeri Sarawak yang terus menerus dengan perjuangan bersenjata mereka? Jikalau tidak benar berapakah komunis yang ada? Yang ketiga, adakah benar bahawa pihak komunis di negeri Sarawak tidak berjaya untuk mengrekrut anggota-anggota baru daripada rakyat Sarawak dalam lima tahun yang lalu? Keempat, adakah benar bahawa pihak komunis tidak

menjadi satu ancaman secara keseluruhannya di negeri Sarawak dan jika tidak, adakah pihak Kerajaan bercadang untuk memansuhkan Pengistiharan Darurat yang telah diisytiharkan untuk dua kali pada 20 tahun yang lalu?

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan kedua adalah sama dengan soalan yang pertama daripada Yang Berhormat dari Bukit Mas tadi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memaklumkan akan memberi jawapan secara bertulis. Silakan, Yang Berhormat.

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan juga untuk makluman Dewan yang mulia ini, memanglah kita mempunyai strategi yang tertentu dan bukanlah untuk dihebahkan secara umum strategi yang kita mempunyai untuk mengatasi masalah komunis khususnya di negeri Sarawak. Dengan itu tidak dapatlah saya hendak menjawab dengan tepatnya adakah kita telah berjaya menangkap ataupun sama ada 36 orang anggota komunis telah menyerah diri oleh sebab dari segi keselamatan, kita mempunyai strategi. Begitu juga tidak dapatlah saya menjawab adakah lebih kurang 50 orang masih terdapat di negeri Sarawak.

Walau bagaimanapun, inginlah saya menegaskan di sini, masalah komunis di negeri Sarawak bukanlah satu masalah yang besar. Kita mempunyai anggota keselamatan yang terlatih yang telah mendapat pengalaman yang begitu luas dari strategi yang mereka atur menghadapi komunis di Semenanjung Malaysia dan saya berasa yakin bahawa masalah ini boleh diatasi dari masa ke semasa.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, soalan

tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan bahawa pengganas-pengganas yang telah menyerah diri telah dikenakan perintah kawalan untuk pemulihan ke arah penghidupan baru dan mereka telah diberi sedikit bantuan. Soalan saya, apakah bentuk bantuan-bantuan yang diberikan kepada pengganas-pengganas yang menyerah diri itu? Adakah berupa wang ringgit ataupun lain-lain? Yang kedua, adakah mereka ini diberi jaminan atau perlindungan keselamatan oleh pihak Pasukan Keselamatan kita? Yang ketiga, adakah mereka diberi apa-apa jawatan di dalam Pasukan Keselamatan kita?

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menegaskan di sini sekali lagi bahawa tiap-tiap seorang pengganas komunis yang menyerah diri secara lazimnya diletakkan di bawah pengawasan dan pemulihan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960, yang selalunya mengambil masa dua tahun. Ini bermakna seorang itu akan disekat di satu kawasan yang tertentu dengan syarat-syarat yang tertentu. Umpamanya dia terpaksa duduk di dalam rumah atau alamat yang tepat di waktu malam di antara jam 8.00 hingga pukul 6.00 pagi dan lain-lain syarat yang tertentu. Ada pula mereka yang perlukan bantuan. Jadi untuk menjawab soalan Yang Berhormat, adalah kita memberi bantuan sedikit sebanyak kepada mereka yang betul-betul memerlukan bantuan, umpamanya bantuan elaun makan tidak lebih daripada \$4.50 sehari dan ada pula mereka yang memerlukan bantuan pakaian. Jadi untuk kita menggalakkan mereka dapat kembali ke masyarakat dengan secepat mungkin, kita ada kes-kes yang tertentu di mana kita memberi bantuan pakaian. Selain daripada itu, kita tidak memberi jawatan-jawatan yang tertentu dalam Pasukan Keselamatan umpamanya.

Ada pula mereka yang telah berjaya di dalam masyarakat kerana pandai berniaga umpamanya. Ini bukanlah bermakna bahawa Kerajaan telah memberi bantuan wang ringgit, bank loan dan seterusnya, tetapi mereka berjaya dengan usaha mereka sendiri selepas mendapat pemulihan dan pengawasan selama dua tahun.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, sebelum soalan ini dijawab, saya mohon pembedaan, iaitu "Taiping dan Negeri Perak"—Perkataan "dan" itu hendaklah dipotong dan digantikan dengan "dalam Negeri Perak".

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah, silakan.

HOSPITAL DAERAH TAIPING—MENAIKKAN TARAF

4. Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Hospital Daerah Taiping dalam Negeri Perak adalah merupakan Hospital yang menjadi tumpuan penduduk kawasan Perak Utara, atau lebih tepat lagi penduduk-penduduk Daerah Kerian, Laut, Matang dan Selama, Kuala Kangsar dan Grik. Jika sedar, adakah beliau bercadang untuk menaikkan taraf hospital tersebut ke Hospital Besar dan menambah bilangan doktor-doktor pakar, Pegawai-pegawai Perubatan serta pegawai-pegawai yang lain.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Ban Hon Keong): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sedar bahawa Hospital Daerah Taiping adalah hospital

tumpuan bagi penduduk-penduduk kawasan sekitar Taiping, dan ianya juga berfungsi sebagai hospital rujukan dengan beberapa disiplin kepakaran untuk Daerah Kerian, Larut, Matang dan Selama, Kuala Kangsar dan Grik.

Kementerian Kesihatan tidak bercadang untuk menaikkan taraf hospital tersebut ke Hospital Besar kerana Negeri Perak telah mempunyai sebuah Hospital Besar di Ipoh. Suka saya menerangkan kepada Yang Berhormat bahawa nama Hospital Besar itu adalah dikhaskan kepada hospital-hospital yang mempunyai perkhidmatan-perkhidmatan yang tertentu dan yang terletak di ibu-ibu negeri. Hospital di Taiping adalah sebuah hospital yang terletak di daerah. Oleh sebab itu, ianya dipanggil Hospital Daerah. Sungguhpun begitu, Hospital Daerah Taiping mempunyai beberapa bidang kepakaran dan Kementerian Kesihatan sentiasa mengkaji kedudukan perkhidmatan-perkhidmatan kepakaran di semua hospital termasuk Hospital Daerah Taiping.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Soalan tambahan. Tadi Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan telah menyatakan bahawa Hospital Daerah Taiping tidak akan dinaikkan kepada Hospital Besar. Di sini ingin saya mengetahui daripada pihak Setiausaha Parlimen, adakah Kementerian Kesihatan bercadang agar memberi beberapa peruntukan yang tertentu untuk menambah dan juga membesarkan serta memberi alat-alat kemudahan yang cukup bagi Hospital Daerah Taiping ini? Yang kedua, adakah Setiausaha Parlimen sedar bahawa ramai daripada doktor-doktor pakar yang ditempatkan di Hospital Daerah Taiping ini diletakkan sementara, sebagai doktor transit, kemudian ditukarkan ke tempat lain pula?

Timbalan Yang di-Pertua: Ada doktor "transit" pula? (*Ketawa*). Saya ingat ada "transit passengers sahaja. Silakan, Yang Berhormat.

Tuan Ban Hon Keong: Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kelima terdapat sepuluh projek-projek khas bagi Hospital Daerah Taiping yang dijadualkan untuk dilaksanakan. Nama projeknya ialah:

- (1) Memperbaiki Wad Kanak-kanak.
- (2) Blok Perkhidmatan Pusat.
- (3) Blok D, Tingkat Kelas 1 dan 2.
- (4) Janakuasa Tentu Sedia (Generator).
- (5) Dapor baru.
- (6) Unit Bersalin.
- (7) Kelengkapan Jabatan X-Ray.
- (8) Kelengkapan Unit Kecederaan dan Kecemasan (Accident dan Emergency).
- (9) Jabatan Kedokteran.
- (10) Setor Barang-barang mudah terbakar.

Kesemua projek tersebut di atas dianggarkan akan menelan belanja sebanyak \$21,445,000. Dalam Rancangan Malaysia Kelima sebanyak \$9,240,000 telah diperuntukkan bagi projek-projek ini.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkenaan dengan tambahan bagi bilangan doktor-doktor pakar yang akan disediakan dalam Rancangan Malaysia Kelima bagi Hospital Daerah Taiping. Tadi Yang Berhormat telah mengatakan dalam Rancangan Malaysia Kelima beberapa projek-projek yang akan dilaksanakan. Saya ingin tahu berapakah doktor-doktor pakar lagi yang akan ditempatkan selain daripada yang sedang ada.

Soalan kedua, saya ingin tahu di antara doktor-doktor pakar yang akan ditambahkan, adakah ini termasuk pakar-pakar mata yang telah diumumkan di satu laporan iaitu doktor-doktor pakar akan ditempatkan di Hospital Daerah dan di luar bandar.

Tuan Ban Hon Keong: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini bilangan doktor-doktor pakar yang bertugas di Taiping adalah seperti berikut:

Doktor pakar — 7 orang di
Perbidanan dan
Sakitpuan, Per-
ubatan, Pem-
bedahan Mata,
"Patriotic", Pius
dan Radiology.

Pegawai — 5 orang
Perubatan
Kanan

Pegawai — 27 orang
Perubatan

Doktor — 16 orang
Pelatih

Mengenai soalan yang kedua, saya minta notis, Tuan Yang di-Pertua.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat sebagai doktor "Patriotic"?

Kedua, bilakah Hospital Daerah Taiping akan dinaikkan tarafnya dan berilah sebab-sebab bilakah ini boleh dinaikkan tarafnya kerana negeri Perak mempunyai bilangan penduduk yang agak terbesar di negara ini dan memang memerlukan 2-3 Hospital Besar, bukan seperti Hospital Besar di Kelang yang menjadi hospital "kecil" sahaja—benar-benar Hospital Besar.

Yang ketiganya, nampaknya di bidang kepakaran 7 orang sahaja ada di situ, bolehkah ini ditambahkan

untuk kepentingan orang ramai di situ?

Timbalan Yang di-Pertua: Saya rasa soalan yang kedua dan ketiga secara tak langsung telah pun dijawab. Berkenaan dengan soalan pertama, saya sendiri tolong terjemahkan—"Paediatrics". (*Ketawa*).

PUKAT TUNDA—JUMLAH TANGKAPAN

5. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Menteri Pertanian menyatakan:

(a) berapa jumlah lesen pukat-pukat tunda yang telah dikeluarkan:

- (i) di Pantai Barat;
- (ii) di Pantai Timur;
- (iii) kepada nelayan-nelayan Melayu;
- (iv) kepada nelayan-nelayan bukan Melayu.

(b) berapa jumlah tangkapan yang didaratkan oleh pukat-pukat tunda dalam tahun 1980 dan 1985:

- (i) Ikan komersial; dan
- (ii) Ikan baja (trash fish).

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan ini ialah:

(a) Lesen pukat tunda yang telah dikeluarkan ialah seperti berikut:

- (i) di Pantai Barat—3,487;
- (ii) di Pantai Timur—950;
- (iii) kepada nelayan Melayu—953;
- (iv) kepada nelayan bukan Melayu—3,484.

(b) Jumlah tangkapan yang didaratkan oleh pukat tunda bagi ikan komersial ialah 97,920 tan metrik dalam tahun 1980 dan 88,857 tan metrik dalam tahun 1985. Tangkapan bagi ikan baja pula ialah 129,366 tan metrik dalam tahun 1980 dan 87,197 tan metrik dalam tahun 1985.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang pertamanya berapakah bilangan lesen pukat tunda bagi laut dalam yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pertanian sehingga ini bersesuaian dengan dasar Kerajaan khususnya Jabatan Perikanan untuk menggalakkan nelayan-nelayan menangkap ikan di laut dalam.

Soalan yang kedua, mengapakah Jabatan Perikanan terlalu lambat mengambil tindakan untuk meluluskan permohonan-permohonan lesen menangkap ikan laut dalam?

Yang ketiga, setakat manakah Kementerian Pertanian ada bekerjasama dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia berkaitan dengan pemberian lesen pukat tunda dan juga lesen-lesen pukat lain, pukat jerut misalnya, kerana pemohon-pemohon ini biasanya apabila telah dikurniakan lesen, mereka terpaksa pula hendak meminjam melalui Sekim Kemudahan Kredit yang banyak dikeluarkan oleh LKIM. Adakah perhubungan dan kerjasama yang baik di antara Jabatan Perikanan dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia berkaitan dengan pemberian lesen ini dan juga berkaitan dengan Sekim Kemudahan Kredit LKIM?

Soalan yang keempat, Tuan Yang di-Pertua, daripada 129,366 tan metrik ikan baja yang dikeluarkan tahun 1980, saya ingin tahu berapa peratus

daripada jumlah ikan baja itu yang terdiri daripada jenis ikan yang baik, misalnya anak-anak ikan cermin, anak-anak ikan merah, anak-anak ikan selar dan sebagainya. Berapa peratus pula terdiri daripada anak-anak ikan yang tidak baik?

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang pertama itu, yang saya ketahui bahawa trawler yang saya sebut tadi ialah untuk digunakan di laut dalam. Juga bagi menjawab soalan Yang Berhormat itu yang mengatakan bahawa pihak Jabatan Perikanan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia sentiasa lambat memproses permohonan para pemohon untuk mendapat lesen, ini bergantunglah kepada pemohon-pemohon tersebut. Jikalau didapati mereka tiada masalah dan sentiasa menepati melengkapkan permintaan mereka itu mengikut peraturan, ini sentiasa mendapat proses yang cepat, tetapi ada kemungkinan kadangkala mereka ini tidak melengkapkan borang permintaan ini dan terpaksa dihantar balik untuk disemak semula, jadi tentu sekali memakan masa.

Mengenai kenaikan baja ini, saya sendiri pun kurang pasti kerana Yang Berhormat ini nampaknya beliau sendiri begitu ada pengalaman. Kata beliau, kebanyakan ikan-ikan yang dianggap ikan-ikan baja ini adalah anak-anak ikan yang baik, tetapi saya pun tak tahu mana ikan yang baik dan mana yang tak baik, tetapi mana-mana ikan yang saiznya termasuk dalam golongan ikan baja itu dianggapkan ikan bajalah ikan itu. Jadi, saya minta maaf, saya tidak dapat memberi jawapan yang begitu tepat kepada Yang Berhormat.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan dasar Kementerian Pertanian sekarang ini

dari segi pengeluaran lesen-lesen pukut tunda ini, sama ada Kementerian hendak menambahkan lagi lesen-lesen pukut tunda ini ataupun mengurangkan lagi dari satu masa ke satu masa?

Yang kedua, adakah Kementerian Pertanian berpuas hati dengan 953 lesen yang telah dikeluarkan kepada nelayan-nelayan Melayu? Jika tidak, apakah langkah Kementerian Pertanian untuk menambahkan lagi lesen-lesen pukut tunda kepada nelayan-nelayan Melayu khususnya, terutamanya di Pantai Barat Semenanjung?

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, yang sebenarnya pihak Kementerian dan Kerajaan tidak menyekat pengeluaran lesen untuk menangkap ikan di laut dalam, bahkan kita sentiasa merancangkan para nelayan supaya mereka dapat menerokai ikan-ikan di laut dalam sebagaimana yang kita dapati di negara-negara jiran atau negara lain dan juga setakat ini kita tidak puas hati dengan kebanyakan ataupun golongan para bumiputera yang mendapat hanya sebegitu banyak sahaja lesen-lesen untuk menangkap ikan di laut dalam ini. Jikalau sekiranya ada bumiputera atau yang bukan bumiputera pun yang betul-betul berminat serta mempunyai modal untuk membuat permohonan menangkap ikan di laut dalam ini, kita akan memberi pertimbangan yang sewajarnya serta memberi kelulusan.

Tuan Tan Kok Hooi: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu ditempo yang sama itu berapa lesen pukut tunda ditarik balik dan apa sebabnya?

Tuan Luhah Wan: Saya tidak dapat memberi angka yang begitu tepat oleh kerana dalam masa tempoh tahun 1980 hingga tahun 1985 ini ada beberapa lesen ataupun pukut yang

ditangkap oleh kerana melanggar undang-undang yang tertentu didapati oleh pihak Marine kita dan juga para orang yang membuat penelitian terhadap lautan kita. Orang-orang yang didapati melanggar peraturan ataupun tidak mengikut peraturan ini diberi perhatian yang berat serta tindakan yang setimpal harus diambil oleh Kerajaan untuk mengajarkan mereka ini supaya para nelayan yang kecil itu tidak menjadi mangsa mereka.

KES TERTANGGUH DI MAHKAMAH

6. Tuan Abdul Rahman bin Suliman minta Menteri Kehakiman menyatakan berapakah jumlah kes-kes tertangguh-tangguh mengikut pecahan kes sivil dan kes jenayah:

- (a) (i) di mahkamah rendah;
(ii) di mahkamah tinggi; dan
(iii) di mahkamah Agung;
- (b) kenapakah begitu banyak kes-kes yang ditangguhkan beberapa kali. Apakah sebab-sebab utama penangguhan kes yang telah dikenal pasti oleh Kementerian Kehakiman; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Kehakiman bagi mengatasi masalah yang berkenaan.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:
Tuan Yang di-Pertua, jumlah kes-kes tertangguh di seluruh Malaysia mengikut anggaran sehingga bulan Februari, 1986 adalah seperti berikut:

	<i>Kes Jenayah</i>	<i>Kes Sivil</i>
(a) (i) di Mahkamah Rendah	530,700	210,000
(ii) di Mahkamah Tinggi	5,057	157,530
(iii) di Mahkamah Agung	63	329

(b) Faktor-faktor yang menyebabkan kes-kes ditangguhkan dan melambatkan perbicaraan kes-kes adalah:

- (i) Terlalu banyak kes-kes didaftar. Sejak kebangkitan ini bilangan kes-kes didaftarkan di mahkamah-mahkamah telah berlipatganda.
- (ii) Pihak Jabatan Kehakiman mengalami masalah kekurangan Majistret kerana perletakan jawatan.
- (iii) Kes-kes yang ditetapkan untuk perbicaraan tidak dapat dibicarakan atas sebab-sebab tertentu. Antara sebab utama adalah saksi-saksi yang diperlukan dalam sesuatu perbicaraan tidak hadir atau tidak dapat dikesan. Sebab-sebab lain termasuklah permintaan penangguhan oleh pihak polis atau pihak peguam.
- (iv) Banyak kes yang kompleks dan memerlukan masa yang panjang; adakalanya kes begini terpaksa didengar separuh dan ditangguhkan untuk sambungan. Penggunaan kenyataan hemat "cautioned statement" dalam kes-kes jenayah oleh pihak pendakwaan selalu melambatkan perbicaraan.
- (c) Langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah tersebut adalah:

- (i) Beberapa buah Mahkamah Majistret baru sedang dan akan dibina di seluruh negara

di samping menambah bilangan bilik bicara di mahkamah-mahkamah yang sedia ada.

- (ii) Dengan bertambahnya bilik-bilik bicara dan mahkamah-mahkamah baru maka bilangan Majistret dapat ditambah.
- (iii) Usaha juga sedang dibuat untuk memenuhi dan mengisi semua jawatan Majistret yang kosong. Sebagai langkah pertama, beberapa orang pegawai kontrak telah dilantik untuk menyandang jawatan Majistret.
- (iv) Tindakan juga telah diambil untuk memperbaiki syarat-syarat perkhidmatan untuk pegawai kehakiman bagi mengurangkan perletakan jawatan di kalangan mereka.
- (v) Satu kajian sedang dijalankan dengan kerjasama pihak MAMPU dan Yayasan Asia untuk memberi jalan mengatasi masalah-masalah penambahan kes-kes mahkamah kebelakangan ini dan untuk menentukan faktor-faktor yang menyebabkan kelambatan dalam perbicaraan. Kajian itu sekarang ini hampir siap.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri telah menerangkan bahawa di antara faktor-faktor yang melambatkan kes-kes ini dibicarakan

ialah kerana perletakan jawatan daripada majistret-majistret. Pertanyaan saya, adakah hakim-hakim juga terlibat iaitu berlakunya perletakan jawatan selain daripada majistret sahaja?

Yang ketiga, apakah sebab-sebab utama mereka ini meletakkan jawatan dan berapa ramaikah sehingga setakat ini mereka yang telah meletakkan jawatan?

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, di peringkat hakim tidak terdapat, walaupun masih ada 2 kekosongan dan di peringkat majistret, jumlah bilangan sebenarnya ialah 126 dan kita tidak dapat mengisi sebanyak 36 jawatan lagi.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri bahawa kes-kes yang ditangguh ini kebanyakannya kes-kes kecil sehingga kes ini daripada sehari ke sehari dan daripada setahun ke setahun bertambah. Jadi, apakah pihak Kerajaan mempunyai satu cara yang lebih baik untuk mengurangkan backlog dalam mahkamah ini dengan mengadakan komputer dan juga menambahkan lebih ramai lagi pegawai-pegawai dan juga memberi peluang kepada Pegawai-pegawai Daerah untuk membicarakan kes-kes kecil supaya perkara ini tidak menjadi bertambah pada masa-masa akan datang. Kadang-kadang ada juga kes-kes mahkamah ini ditangguh-tangguhkan dan kadang-kadang seolah-olah mereka itu lebih suka orang yang salah itu mengaku salah daripada tidak mengaku salah. Dengan keadaan ini menyebabkan kes itu bertambah setiap masa.

Timbalan Yang di-Pertua: Komputer untuk menjadualkan kes, bukan untuk bicara.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:

Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan yang akhir tadi, adalah tidak benar kalau dikatakan di dalam mahkamah kita terdapatnya usaha-usaha untuk menyalahkan orang yang tak bersalah semata-mata untuk hendak mempercepatkan pembicaraan.

Soalan yang lain itu yang melibatkan procedure dan regulation, sukacita saya menyatakan sebuah Jawatankuasa Judicial Committee, dengan izin, yang diketuai oleh Hakim Besar Malaya sebenarnya sedang mengkaji hal-hal untuk memperbaiki procedure dan regulation untuk melicinkan lagi perjalanan mahkamah.

Antara langkah yang juga sedang dikaji ialah untuk memisahkan beberapa kes ini, seperti kajian untuk mewujudkan, dengan izin, mahkamah trafik, atau traffic court, dan juga mahkamah tuntutan kecil, small claims court. Jadi kita harapkan melalui adanya mahkamah-mahkamah seperti yang saya sebutkan tadi dengan terdapatnya kita mengisi kekosongan-kekosongan yang ada dan penambahan Majistret-majistret sekiranya kajian-kajian tadi diluluskan, saya percaya banyak daripada masalah-masalah kelewatan ini akan dapat diatasi.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan menganggap angka-angka, dengan izin, astronomical backlog itu, begitu banyak backlog, kes-kes jenayah atau civil sebenarnya sudah sampai ke satu peringkat krisis sistem kehakiman dan adakah Yang Berhormat sedar bahawa ini satu adalah skandal oleh kerana rakyat yang mengharapkan keadilan tidak boleh dapat keadilan, axiom bahawa keadilan terlambat, adalah keadilan yang dinafikan? Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan bahawa krisis ini

akan diatasi dengan satu sikap yang serius supaya tidak lagi timbul backlog-backlog yang begitu astronomical dan supaya tidak ada berlaku orang-orang didakwa di bawah kes-kes jenayah tetapi tidak dibenar dijamin keluar tetapi oleh kerana kes-kes mereka ambil tiga tahun, lima tahun atau lebih lama masa mereka, sebenarnya sebelum dibicarakan sudah dipenjarakan dan akhirnya kalau mereka dibebaskan mereka sudah hilang kebebasan untuk tiga tahun atau lima tahun dan bukankah benar mengikut angka-angka yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri mungkin 10 tahun pun tidak boleh selesai dan ini tidak ambil kira-kira kes-kes yang baru. Bukankah sampai satu masa di mana satu sikap

Tuan Alias bin Md. Ali: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Alias bin Md. Ali: Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua: Peraturan Mesyuarat Nombor berapa?

Tuan Alias bin Md. Ali: Peraturan Mesyuarat 36 (6). Yang Berhormat dari Kota Melaka itu bersyarah, bukan mengemukakan pertanyaan.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah saya bertanya?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila ambil perhatian.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tanya, orang lain bersyarah. Dan soalnya ialah selain daripada soalan saya tanya tadi, adakah Kementerian atau Jabatan Perdana Menteri pernah membuat satu kajian untuk Mahkamah Tinggi bahawa berapa jawatan Hakim baru perlu diwujudkan. Kalau mahkamah ada

satu sistem di mana semua kes-kes boleh dikendalikan dengan cekap berapa jawatan dihendaki dan akankah Kerajaan melantik lebih banyak Hakim-hakim oleh kerana sungguhpun ada dua jawatan kosong itu pun tidak cukup?

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Kota Melaka tadi membuat banyak ulasan yang diselang seli dengan soalan yang rendah nadanya. Jadi saya cuba sekarang ini apakah maksud sebenar.

Timbalan Yang di-Pertua: Kabur sedikit soalan yang dibuat.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Saya ingat dia menggunakan perkataan krisis. Kita belum sampai kepada peringkat krisis kerana keadilan masih lagi wujud dan dapat diwujudkan di mahkamah. Ahli Yang Berhormat Kota Melaka juga berkenan benar menggunakan perkataan skandal. Apa sahaja ucapan daripada dia mesti masuk ayat skandal (*Ketawa*). Dan dalam hal ini tidak ada skandal walaupun angka agak lebih sedikit.

Dan saya sukacita juga meyakinkan kepada Ahli Yang Berhormat Kota Melaka seperti yang saya katakan tadi langkah-langkah yang sedang diambil dan Kementerian Kehakiman juga sedang meneliti cara-cara untuk mengatasi masalah yang timbul itu dan saya juga ingin menjaminkan bahawa keadilan tetap wujud walaupun kaedah-kaedah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat Kota Melaka tadi. Selain daripada itu tidak payahlah saya memberi jawapan kerana dia merupakan ulasan-ulasan sahaja.

BAYARAN "FUEL VARIATION" DALAM BIL ELEKTRIK

7. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Tenaga, Pos dan Telekom menyatakan mengapakah menjadi perlu bagi pengguna-pengguna di Kuching untuk terus membayar bayaran "fuel variation" dalam bil-bil elektrik mereka kerana elektrik di Kuching dibekalkan kini daripada plan hidroelektrik di Batang Ai dan minyak tidak diperlukan lagi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Pos dan Telekom (Tuan Au How Cheong): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pembekalan elektrik di Sarawak adalah bertanggungjawab Perbadanan Pembekalan Elektrik Sarawak iaitu SESCO yang di bawah Kerajaan Negeri Sarawak sendiri. Oleh itu tidaklah berupaya menjawab soalan ini.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar Yang Berhormat Setiausaha Parlimen akan memberi jawapan yang tadi dia berikan, tetapi pihak Kerajaan Persekutuan telah bertugas sebagai guarantor untuk pinjaman bagi melaksanakan projek Batang Ai. Pihak Kerajaan Persekutuan telah juga membuat satu keputusan untuk melaksanakan projek hidroelektrik Bakun dan soalan saya ialah kenapa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ingin mengamalkan "passing the buck", dengan izin, untuk merujuk perkara ini kepada pihak Kerajaan Negeri Sarawak. Kenapa dia tidak boleh mendapat tahu daripada pihak Kerajaan Negeri Sarawak untuk memberi jawapan yang dikehendaki oleh saya di dalam Dewan yang mulia untuk memenuhi prinsip public accountability.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan tersebut boleh dijadikan

helah untuk berhujah, yang mana tidak boleh dibenarkan dalam masa soal jawab.

PUSAT LATIHAN ORANG-ORANG BUTA

8. **Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan berapa buah pusat latihan Orang-orang buta yang ada di negara kita pada masa ini dan apakah latihan-latihan yang diberikan kepada orang-orang buta supaya mereka dapat mencari pekerjaan.

Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, kemudahan yang disediakan untuk orang cacat penglihatan iaitu orang buta supaya mereka dapat mencari pekerjaan adalah berupa pendidikan akademik di sekolah-sekolah khas dan sekolah-sekolah biasa serta latihan vokasional di pusat-pusat latihan. Bagi pendidikan akademik tiga buah sekolah khas berasrama disediakan iaitu dua di peringkat sekolah rendah dan satu di peringkat sekolah menengah. Sekolah-sekolah tersebut ialah Sekolah St. Nicholas, Pulau Pinang, Sekolah Puteri Elizabeth, Johor Bahru dan Sekolah Menengah Khas Setapak, Kuala Lumpur. Latihan Vokasional disediakan di tiga buah pusat latihan iaitu di Pusat Latihan Gurney, Brickfields, Kuala Lumpur, Taman Harapan, Temerloh, Pahang Darulmakmur dan Pusat Latihan Pemulihan St. Nicholas, Pulau Pinang.

Latihan dijalankan di Pusat Latihan Gurney ialah dalam bidang jurutrenkas, telefon, urut, membuat bakul dan anyaman serta menjalankan perniagaan kecil. Bagi Taman Harapan, Temerloh pula, latihan yang dijalankan ialah dalam bidang pertanian, ternakan dan membuat

kraftangan dengan bahan rotan dan buluh. Pusat Latihan St. Nicholas, Pulau Pinang menyediakan latihan kraftangan, bercucuk tanam, ternakan dan membuat pagar dawai ataupun chain link.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan daripada Menteri Kebajikan Am sebagai dinyatakan berbagai-bagai latihan

Timbalan Yang di-Pertua: Menteri Kebajikan Masyarakat.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kebajikan Masyarakat. Latihan-latihan termasuklah kraftangan, belajar mengurut dan sebagainya, tetapi akhir-akhir ini terdapat pancaragam orang-orang buta pun diajar di situ, kita telah saksikan sendiri kebolehan-kebolehan mereka. Tetapi mereka ditempatkan di rumah orang buta yang dibiayai oleh Kementerian ini. Terdapat di kaki-kaki lima dalam Bandaraya kita ini seperti di depan Hotel South East Asia, depan Globe tertumpulah orang-orang yang minat dengan nada 50an dan 60an. Jadi, ini menjadikan suasana perjalanan orang-orang hendak membeli belah itu telah rusak keadaannya. Jadi, adakah ini dikatakan satu daripada kebolehan lepasan dari pusat latihan ini mencari rezeki cara ini. Walhal Kementerian ini menjaga kutu-kutu rayau supaya tidak meminta sedekah. Tetapi apabila PATA menyaksikan akan datang ini tentulah keadaan negara ini tercemar keadaannya sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalnya, Yang Berhormat? *(Ketawa).*

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Jadi soalnya *(Ketawa)*, adakah satu galakan daripada Kementerian ini melepaskan

mereka—pemain-pemain muzik yang diletakkan di tepi-tepi jalan dan di kaki-kaki lima kedai.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana membetulkan nama Kementerian saya—Kementerian Kebajikan Masyarakat. Memang Kementerian Kebajikan Masyarakat tidak menggalakkan orang-orang buta ini bermain muzik di kaki lima sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Bagi membolehkan mereka bermain muzik dengan cara yang teratur, kita telah pun menubuhkan dua buah band yang mana band ini telah dilatih bagi Wilayah Persekutuan yang mana tiap-tiap satu band mengandungi tujuh orang ahli dan band yang ketiga sedang menjalani latihan intensif, manakala sebuah band lagi akan ditubuhkan tidak berapa lama lagi. Bagi band yang sudah terlatih itu sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat ingin menempah mereka, kita boleh beri sewa yang istimewa, iaitu cuma \$400 bagi sekali main. Selain daripada itu, kita sedang mengadakan perundingan dengan Dewan Bandaraya dan juga pusat-pusat membeli-belah yang ada di Kuala Lumpur ini untuk membolehkan band ini bermain di tempat-tempat yang khas yang disediakan dan tidak di kaki lima lagi, memang kita tidak menggalakkan mereka untuk berbuat demikian.

SISWAZAH—PENCARI KERJA

9. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri minta Menteri Buruh menyatakan bilangan siswazah yang sedang mencari pekerjaan melalui Pejabat-pejabat Buruh dan peratus yang telah berjaya mendapat pekerjaan dan adakah majikan-majikan swasta yang berhasrat mengisi jawatan-jawatan kosong dalam syarikat mereka mengguna khidmat percuma yang

disediakan oleh Pejabat-pejabat Buruh. Adakah Kementerian akan menubuhkan satu pasukan petugas untuk menyelesaikan masalah siswazah yang menganggur yang kian bertambah.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat jawab dengan ringkas memandangkan kita tidak ada masa?

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Saya cuba.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, bilangan pencari-pencari kerja siswazah yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat di bawah Kementerian Buruh pada 31-12-85, seramai 2,186 orang. Daripada jumlah tersebut, dalam tahun 1985 adalah seramai 178 orang iaitu 8.14% berjaya mendapatkan pekerjaan melalui usaha jabatan berkenaan.

Di samping siswazah yang berdaftar dengan rangkaian Pejabat-pejabat Pekerjaan yang dikelolakan oleh Jabatan Tenaga Rakyat, bilangan pemegang-pemegang biasiswa Persekutuan lulusan tahun 1985 yang telah tamat pengajian dan melaporkan diri ke Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mendapatkan pekerjaan ialah seramai 4,992 orang. Daripada jumlah tersebut seramai 1,685 orang iaitu 33.7% telah mendapat pekerjaan di Jabatan-jabatan Kerajaan, Badan-badan Berkanun, Pusat-pusat Pengajian Tinggi, Agensi-agensi Kerajaan, Sektor Swasta ataupun dibenarkan melanjutkan pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, majikan-majikan yang sedar mengenai kemudahan yang disediakan secara percuma oleh Jabatan Tenaga Rakyat untuk mendapatkan pekerja-pekerja bagi mengisi jawatan-jawatan kosong memang sentiasa menggunakan khidmat ini. Bagi majikan-majikan yang tidak sedar ataupun kurang memahami tentang khidmat ini pula, Jabatan Tenaga Rakyat akan terus berusaha untuk memastikan supaya orang ramai termasuk para majikan akan lebih sedar mengenai peranan yang dimainkan oleh Jabatan yang berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10 hingga 29 adalah diberi di bawah ini).

PENAGIH DADAH—BILANGAN

10. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah bilangan penagih dadah di negara ini, berdasarkan pecahan kaum sehingga 31-1-1986;
- (b) jumlah bilangan orang yang ditangkap dan ditahan di bawah berbagai kesalahan dadah dari tarikh 1-1-1985 hingga 31-1-1986 dan daripada bilangan yang ditangkap berapa ramai kakitangan Kerajaan dan orang asing;
- (c) berapa ramai yang telah dijatuhkan hukuman mati setakat ini dan berapa pula yang telah digantung sehingga 31-1-1986. Daripada jumlah yang dihukum mati, berapa ramai orang asing;
- (d) berapa ramai penagih dadah yang telah dipulihkan sehingga

31-1-1986 dengan memberi butir lanjut tentang berbagai pusat pemulihan dadah seluruh negara; dan

- (e) bilangan pengedar dadah yang ditangkap dan ditahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) sejak Akta ini mula berkuatkuasa.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjawab soalan (a), jumlah bilangan penagih dadah yang dikesan di negara ini dari tahun 1970 sehingga 31-1-1986 ialah seramai 110,555 orang. Pecahan mengikut kaum adalah seperti berikut:

Melayu	49.0%
Cina	34.8%
India	14.2%
Lain-lain	2.0%

- (b) Jumlah bilangan orang yang ditangkap dan ditahan di bawah berbagai kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 ialah seramai 11,490 orang dan dari jumlah ini seramai 108 orang terdiri dari kakitangan Kerajaan, dan seramai 96 orang terdiri daripada warganegara asing.
- (c) (i) Sejak tahun 1975, di mana hukuman mati telah mula dikenakan, sehingga 31-1-1986, seramai 107 orang telah dijatuhkan hukuman mati atas kesalahan mengedar dadah. Dari jumlah ini, 32 orang telah menjalani hukuman gantung.
- (ii) Dari jumlah 107 orang yang telah dihukum mati, seramai 26 orang adalah

terdiri dari warganegara asing.

- (d) Jumlah penagih yang telah dipulih di Pusat-pusat Pemulihan Dadah sehingga 31-1-1986 adalah seramai 10,484 orang. Pecahan bilangan mereka yang telah menerima rawatan dan pemulihan di Pusat-pusat Pemulihan Dadah adalah seperti berikut:

<i>Pusat</i>	<i>Telah Menjalani Rawatan Dan Pemulihan</i>
Pusat Serenti Tampin, Melaka	750 orang
Pusat Serenti Perlop, Perak	128 orang
Pusat Pemulihan Dadah, Bukit Mertajam	2,513 orang
Pusat Pemulihan Dadah, Tampoi Johor	2,904 orang
Pusat Pemulihan Dadah, Besut Terengganu	1,273 orang
Pusat Pemulihan Dadah (Pasukan Kerja), Sg. Merchong Pahang	26 orang
Pusat Pemulihan Dadah, Kuala Kubu Bahru, Selangor	2,900 orang
Jumlah	10,484 orang

Di samping ini, seramai 20,903 orang penagih telah dan sedang menerima rawatan dan pemulihan di bawah pengawasan (luar institusi).

- (e) Bilangan pengedar dadah yang ditangkap di bawah Seksyen 3 (1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, sejak Akta ini mula berkuatkuasa pada 15-6-1985, ialah seramai 65 orang. Dari jumlah ini 56 orang telah ditahan di bawah Akta tersebut.

LADA HITAM—PENGEKSSPORT UTAMA DUNIA

11. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Perusahaan Utama bahwa memandangkan permintaan dunia bagi lada hitam bagi tahun ini adalah dianggarkan di antara 120,000 dan 125,000 tan dan bagi tahun 1990 akan naik kepada 155,000 tan, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian sekarang supaya:

- (a) Malaysia menjadi pengeksport utama lada hitam menjelang tahun 2000.
- (b) Kos pengeluaran (production costs) lada hitam yang tinggi sekarang dapat dikurangkan dengan menggunakan jentera-jentera yang sesuai supaya negara kita dapat bersaing dengan negara India, Indonesia, Brazil, Madagascar, Sri Lanka, Thailand, China dan Vietnam dalam jangka masa panjang; dan
- (c) Negara kita menjadi pusat pemasaran lada hitam antarabangsa seperti New York, London, Hamburg, Singapura dan Hong Kong, supaya dapat memberi keuntungan maksima kepada petani kita.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bukanlah menjadi hasrat utama Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pengeksport utama lada hitam di dunia menjelang tahun 2000, tetapi apa yang lebih penting telah menentukan supaya industri lada di negara ini menjadi satu industri yang "viable" dan kompetitif. Oleh itu penekanan adalah ditumpukan kepada usaha-usaha untuk meningkatkan kecekapan industri lada hitam negara ini, supaya dengan itu

dapat kita mengukuhkan kedudukan persaingan industri tersebut di pasaran dunia. Walaupun pengeluaran lada hitam Malaysia telah merosot kepada 16,000 tan metrik pada tahun 1985, iaitu merupakan 13% dari jumlah pengeluaran dunia berbanding dengan 33,400 tan metrik dalam tahun 1975, iaitu 20% daripada jumlah pengeluaran dunia, matlamat pengeluaran lada hitam dalam Dasar Pertanian Negara ditetapkan pada paras 30,000 tan metrik dalam tahun 1990 dan 45,000 tan metrik menjelang tahun 2000. Bagi mencapai matlamat tersebut langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan termasuk langkah-langkah untuk meningkatkan produktiviti melalui penanaman semula dan memulihkan kebun-kebun lada yang kurang produktif, di samping program pengembangan untuk memindahkan teknologi penanaman dan amalan agronomik yang lebih baik kepada pekebun kecil.

- (b) Penggunaan jentera yang sesuai dalam perusahaan lada memang sentiasa digalakkan oleh Kerajaan, tetapi oleh kerana lada diusahakan secara kecilan oleh pekebun kecil dengan purata tanaman seluas 0.2 hektar sekeluarga, potensi menggunakan jentera untuk mengurangkan kos pengeluaran adalah terhad. Namun demikian Kerajaan akan terus mengenalpasti jentera-jentera yang sesuai digunakan oleh pekebun-pekebun lada hitam. Umpamanya satu jenis mesin untuk mengasingkan lada hitam dari tangkai telah pun dicipta dan diperkenalkan. Bagi menentukan negara kita dapat

terus bersaing dengan negara-negara pengeluar lada hitam yang lain, Kerajaan menjalankan penyelidikan ke atas aspek-aspek yang dapat meninggikan hasil pengeluaran lada dan mengurangkan kos-kos input pertanian seperti bahan tanaman dan tiang-tiang lada.

- (c) Cadangan Yang Berhormat supaya negara kita dijadikan satu pusat pemasaran lada antarabangsa memanglah merupakan satu cadangan yang baik. Salah satu dari langkah ke arah ini ialah mengkaji kemungkinan memperkenalkan pasaran hadapan lada hitam dalam Bursa Komoditi Kuala Lumpur jika didapati sesuai kelak.

PATA—PERSIAPAN BAS PERSIARAN

12. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berkaitan dengan Persidangan PATA yang akan berlangsung di Malaysia April ini:

- (a) apakah persiapan Malaysia berhubung dengan bas-bas persiaran supaya mencukupi atau adakah memadai dengan bas-bas persiaran yang ada dan bagaimana pula tentang Hotel-hotel adakah sewa-sewa biliknya akan diturunkan kadarnya;
- (b) adakah peniaga-peniaga barangan kraftangan telah dimaklumkan supaya membuat persiapan untuk mengambil peluang melariskan jualan kepada pelancong-pelancong yang berkunjung semasa Persidangan PATA ini; dan
- (c) berapa ramaikah pelancong-pelancong yang dijangka tiba ke Malaysia semasa PATA

diadakan, dan adakah kedatangan pelancong-pelancong sedikit sebanyak terjejas disebabkan kemerosotan Ekonomi Dunia, dan apakah langkah-langkah Kerajaan selepas selesainya Persidangan PATA dalam memajukan sektor pelancongan.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):

- (a) Saya ingin memaklumkan kepada Dewan Yang Mulia ini bahawa Jawatankuasa Penganjur Persidangan PATA tidak menjangka akan menghadapi sebarang masalah mengenai perkhidmatan pengangkutan dan penginapan pada delegasi semasa Persidangan Tahunan PATA dan juga PATA Pacific Travel Mart yang akan berlangsung mulai 9 hingga 16 April 1986 ini. Malah pihak penganjur telah mendapat sokongan dan kerjasama yang menggalakkan dari pihak swasta yang berkenaan. Sebanyak 32 buah bas persiaran akan dibekalkan secara percuma bagi tempoh tersebut dan juga untuk kegunaan lawatan semasa dan selepas persidangan. Di samping itu sebanyak 18 buah bas persiaran lagi akan disewa dengan kadar yang istimewa dari beberapa agensi pelancungan tempatan kita didapati perlu kelak. Dari segi kemudahan penginapan pula, sebanyak 12 buah hotel terkemuka dan bertaraf antarabangsa telah bersetuju menyediakan sejumlah 2,000 bilik untuk kegunaan para delegasi Persidangan PATA dengan kadar sewa di antara US\$35 hingga US\$55. Kadar ini

adalah setanding dengan kadar sewa yang dikenakan ke atas para delegasi yang menghadiri Persidangan Tahunan PATA 1985 di Auckland, New Zealand.

- (b) Mengenai peniaga-peniaga barangan kraftangan, dengan terdapatnya publisiti yang meluas mengenai Persidangan Tahunan PATA 1986 beberapa usaha ke arah mengambil kesempatan kedatangan para delegasi di Malaysia didapati telah pun dijalankan. Sebagai misalan, pihak Karyaneka dan beberapa pengeluar kraftangan tempatan telah pun mempunyai rancangan masing-masing untuk mengambil peluang semasa tempoh persidangan diadakan. Di samping itu Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia juga mempunyai rancangan untuk mengadakan pameran pertunjukan dan jualan kraftangan negara ini bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra. Ini adalah untuk memberi peluang kepada para delegasi bagi melihat dan mengenali hasil kraftangan negara yang boleh dibeli oleh mereka itu sebagai kenangan lawatan mereka ke Malaysia.
- (c) Saya ingin memberikan sedikit penjelasan mengenai Persidangan Tahunan PATA kerana adanya anggapan bahawa ramai pelancong akan datang semasa persidangan tersebut diadakan. Persidangan dan PATA Mart adalah terhad kepada ahli-ahlinya sahaja. Persidangan Tahunan PATA dan "Pata Pacific Travel Mart" merupakan salah satu aktiviti utama PATA. Oleh itu Persidangan PATA dan PATA Mart di Kuala Lumpur akan dihadiri cuma oleh ahli-ahli pertubuhan itu sahaja yang

terdiri daripada wakil-wakil syarikat penerbangan, agensi pelancongan, hotel, penulis pengembara (travel writer), media massa dan lain-lain yang ada hubungan dengan industri pelancongan. Selain daripada delegasi dan pasangan/isteri mereka, ia tidak melibatkan pelancong-pelancong lain.

Namun demikian dari segi penggalakkan pelancongan, kedua-dua aktiviti tersebut adalah penting oleh kerana pada delegasi terdiri dari mereka yang terlibat secara langsung dalam pengendalian lawatan dan penggalakkan pelancongan. Kehadiran mereka akan membolehkan kita mengambil kesempatan memperkenalkan daya tarikan dan kemudahan pelancongan kita di negara ini untuk dipasarkan di negara mereka masing-masing. Di samping itu publisiti yang akan diberikan oleh wakil-wakil media massa di masa Persidangan tersebut akan menarik perhatian bakal-bakal pelancong di seluruh dunia kepada Malaysia.

Kemerosotan ekonomi dunia sedikit sebanyak memang telah menjejaskan aliran kedatangan pelancongan, bukan sahaja ke Malaysia tetapi juga ke beberapa destinasi pelancongan di dunia. Oleh itu Kerajaan melalui Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia akan terus mempergiatkan usaha memperkenalkan negara ini di pasaran-pasaran utama selepas Persidangan PATA dan PATA Mart yang diadakan di Malaysia ini. Walau bagaimanapun sektor swasta hendaklah juga mengambil tindakan susulan menggalakkan lebih banyak siri lawatan dianjurkan ke negara ini.

EDARAN OTOMOBIL NASIONAL (EON)—KAKITANGAN

13. Tuan Haji Wan Najib bin Wan Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan berapa ramai kakitangan Edaran Otomobil Nasional (EON) daripada eksekutifnya hingga sampai ke jurujual di Ibupejabat dan ke setiap cawangannya di negeri-negeri dan daerah yang terdiri daripada bumiputera dan bukan bumiputera. Berapa ramai penderang menjual kereta Proton Saga yang telah dilantik oleh (EON) semenjak 1hb Januari, 1986 yang terdiri dari bumiputera dan bukan bumiputera.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Jumlah kakitangan eksekutif Edaran Otomobil Nasional (EON) ialah 61 orang bumiputera dan 125 orang bukan bumiputera. Kakitangan bukan eksekutif pula terdiri dari 371 orang bumiputera dan 251 orang bukan bumiputera. Kakitangan di kategori jurujual pula jumlah bumiputera ialah 104 dan bukan bumiputera ialah 188.

Untuk makluman Yang Berhormat, penderang kereta nasional ialah EON. Eon menjadi wakil tunggal untuk jualan kereta nasional bagi seluruh Malaysia. Mungkin apa Yang Berhormat maksudkan ialah jumlah wakil penjual yang telah dilantik oleh EON. Mulai daripada 1hb Mac, 1986 EON telah melantik sebanyak 42 wakil penjual yang terdiri daripada 22 syarikat bumiputera dan 20 syarikat bukan bumiputera.

PELABUHAN PASIR GUDANG—PENGUNAAN

14. Tuan Bahari bin Harun meminta Menteri Pengangkutan menyatakan angka-angka mengenai penggunaan Pelabuhan Pasir Gudang, Johor seperti berikut:

- (a) jumlah muatan keluar masuk (purata) melalui pelabuhan tersebut setiap tahun;

- (b) jumlah kapal-kapal yang menggunakan pelabuhan tersebut bagi tahun 1983, 1984 dan 1985;
- (c) adakah kelengkapan-kelengkapan yang terdapat di pelabuhan tersebut mencukupi bagi tujuan pengendalian barangan yang dijangkakan bertambah; dan
- (d) apakah perancangan masa depan untuk pelabuhan tersebut.

**Timbalan Menteri Pengangkutan
(Puan Hajjah Rahmah binti Othman):**

- (a) Jumlah muatan kargo keluar masuk melalui kemudahan-kemudahan Lembaga Pelabuhan Johor dalam kiraan freight tan adalah seperti berikut:
- | | | |
|------|---|---------------|
| 1983 | — | 2.94 juta tan |
| 1984 | — | 2.98 juta tan |
| 1985 | — | 3.48 juta tan |
- (b) Jumlah kapal yang menggunakan Pelabuhan Johor ialah seperti berikut:
- | | | |
|------|---|-----------|
| 1983 | — | 1063 buah |
| 1984 | — | 1202 buah |
| 1985 | — | 1326 buah |
- (c) Berhubung dengan keupayaan pengendalian kargo Lembaga Pelabuhan Johor, adalah dijangka kemudahan-kemudahan yang ada sekarang mencukupi sehingga tahun 1990 dengan jumlah kapasiti sebanyak 7.18 juta tan.
- (d) Rancangan masa depan Lembaga Pelabuhan Johor adalah:
- (i) mengadakan projek pembesaran peringkat ketiga yang melibatkan pembinaan dua buah

dermaga serbaguna yang boleh mengendalikan kontena;

- (ii) projek Pulau Tukang yang melibatkan pembinaan dua buah dermaga am; dan
- (iii) pembinaan sebuah lagi jeti minyak sayuran.

**JABATAN KESIHATAN
SARAWAK—PERUNTUKAN**

15. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Kesihatan menyatakan bahawa di bawah Rancangan Malaysia Kelima yang akan datang, berapakah peruntukan bagi Jabatan Kesihatan untuk Negeri Sarawak; di antara peruntukan itu, berapakah peruntukan untuk membina hospital baru, pusat kesihatan dan memperbaiki hospital, sila terangkan dengan lebih jelas lagi apakah rancangan-rancangan baru pihak Kerajaan tentang kesihatan di Negeri Sarawak.

Dato' K. Pathmanaban: Di bawah Rancangan Malaysia Kelima, Negeri Sarawak di jangka diperuntukan sejumlah \$139,94 juta. Dari jumlah peruntukan ini, lebihkurang \$68,64 juta adalah untuk membina hospital-hospital baru, \$30.23 juta adalah untuk memperbaiki hospital dan \$28.39 juta adalah untuk membina pusat kesihatan serta lain-lain projek perkhidmatan kesihatan luar bandar.

Sebanyak 51 projek pusat kesihatan dan klinik desa akan dilaksanakan di Sarawak dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Di antaranya ialah Pusat Kesihatan di Tatau (Bintulu), 20 Klinik Desa dan 30 Klinik Desa Fasa I di beberapa kawasan seluruh Negeri Sarawak.

Hospital-hospital baru akan dilaksanakan di Sibulau, Bau, Betong, Daro, Simunjan dan Dalat.

Sebanyak 28 projek memperbaiki hospital-hospital akan dilaksanakan. Di antaranya ialah Wad-wad Baru di Hospital-hospital Serian, Lau King Howe (Sibu, dan Marudi).

Poliklinik-poliklinik Baru akan dilaksanakan di Sibu, Tanjung Kedurong (Bintulu), Sarikei dan Kapit. Beberapa hospital sedia ada akan diperbaiki seperti Hospital Besar Sarawak, Hospital-hospital Sri Aman, Mukah, Miri, Lawas, Sarikei dan Kapit. Juga, alat-alat kelengkapan akan dinaikkan taraf di beberapa hospital sedia ada, termasuk alat-alat tambahan untuk makmal di Makmal Pusat Kuching dan di Hospital-hospital Sibu, Marudi dan Miri.

Rancangan-rancangan baru yang lain di Negeri Sarawak merupakan pelaksanaan 25 projek klinik pergigian baru, 13 pasukan pergigian bergerak dan stor-stor perubatan baru di Hospital-hospital Sri Aman dan Kapit. Bagi menentukan pegawai-pegawai penting terdapat di hospital-hospital untuk meyampaikan perkhidmatan 24 jam, rumah-rumah kuaters tambahan akan dibina di Hospital-hospital Serian, Sri Aman, Mukah, Miri dan Kapit. Kenderaan-kenderaan baru juga akan dibekalkan dalam Rancangan Malaysia Kelima untuk memudahkan penyampaian perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan dan perubatan di Negeri Sarawak.

PATA—BENGGKEL KERJA

16. Tuan Mohd. Yusof bin Haji Yakob minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Negeri Sabah dan Sarawak akan juga digunakan sebagai venue untuk bengkel-bengkel kerja semasa PATA Conference ini diadakan. Kalau tidak apakah ada rancangan Kementerian untuk menggalakkan para pelancung khususnya para peserta Conference ini

untuk melawat ke negeri-negeri tersebut.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di masa-masa yang lepas memang benar Persidangan-Persidangan Tahunan PATA biasanya diikuti dengan sidang bengkel-bengkel kerja, seperti yang diadakan di Pulau Pinang semasa Malaysia menjadi tuan rumah kepada Persidangan yang sama dalam tahun 1972. Akan tetapi mulai tahun lalu, Ibu Pejabat PATA telah menggubal satu dasar baru di mana sidang bengkel-bengkel sedemikian tidak akan diadakan lagi dan diganti dengan sessi-sessi pelajaran (educational breakout sessions) yang diadakan dalam tempoh dan tempat yang sama di mana Persidangan Tahunan PATA diadakan.

Dengan adanya program PATA yang baru ini, maka bengkel-bengkel kerja di luar Kuala Lumpur tidak akan diadakan tetapi untuk menggalakkan para delegasi PATA melawat kesetiap negeri-negeri di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak, pihak Jawatankuasa Penganjur Persidangan telah pun menyediakan 12 program lawatan selepas Persidangan yang akan ditawarkan khas kepada semua para delegasi Persidangan tersebut. Program ini meliputi juga lawatan ke Negeri Sabah dan Sarawak.

SEMPADAN MALAYSIA/ THAILAND—PENENTUAN

17. Tuan Haji Seroji bin Haji Harun minta Menteri Luar menyatakan adakah benar penentuan Sempadan Malaysia/Thai belum lagi selesai dirundingkan untuk dibina Tembok Sempadan, bagaimanakah kedudukannya yang sebenar dan adakah dicadang penentuan sempadan tersebut akan dibincang sekali bersama perbelanjaan membina tembok tersebut.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithaudden Al-haj): Saya mohon izin untuk jawab soalan ini bersama soalan Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang pada 25-3-86 kerana kedua soalan ini ada berkaitan dan mempunyai tujuan yang sama.

Pengukuran dan penandaan sempadan darat antarabangsa di antara Malaysia—Thailand telah pun disiapkan pada 23hb September 1985. Sehingga bulan Julai 1985 sebanyak 10 Memorandum Persefahaman telah ditandatangani oleh pihak Malaysia dan Thailand bagi mengesahkan kawasan yang telah selesai diukur dan ditanda.

Kerajaan tidak perlu berunding dengan pihak Thailand sebelum tembok ini didirikan kerana pembinaan tembok ini adalah urusan dalam negeri. Jarak minima tembok didirikan ialah 4.5 meter dari garis sempadan.

Anggaran kos tembok sempadan yang sedang dalam pembinaan sepanjang 25km di antara Bukit Berapit sehingga Lembang Menering di Perak ialah \$43.3 juta.

MATAPELAJARAN KOMPUTER

18. Tuan Baharom bin Haji Bakar minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sama ada benar atau tidak Kementerian ini bercadang untuk memperkenalkan komputer kepada para pelajar sekolah dalam negara ini; dan
- (b) sekiranya benar bilakah ianya akan diperkenalkan dan adakah matapelajaran komputer akan dijadikan sebagai satu matapelajaran wajib dalam sistem pelajaran di negara ini di suatu masa nanti.

Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Kementerian Pelajaran sedang merancang satu projek percubaan matapelajaran "Pengenalan Kepada Komputer" yang akan dilancarkan pada tahun ini (1986). Matapelajaran ini akan diajar kepada semua pelajar Tingkatan IV di 20 buah sekolah percubaan di seluruh Malaysia. Selepas projek percubaan ini, Kementerian Pelajaran bercadang melaksanakan matapelajaran tersebut di semua sekolah menengah secara berperingkat mulai tahun 1988.

PERISTIWA MEMALI

19. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bila tarikh laporan mengenai tragedi pada 19-11-1985 di Kampung Memali itu dibuat kepada Majlis Keselamatan Negeri Kedah dan Keselamatan Negara.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Setiap perkembangan mengenai peristiwa Memali (sebelum atau selepas) dari masa ke semasa sentiasa dilaporkan kepada Urusetia Majlis Keselamatan Negeri Kedah dan Urusetia Majlis Keselamatan Negara.

INDUSTRI KECIL— PEMBANGUNAN

20. Tuan Peter Chin Gun Oon minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) supaya mendefinisikan kesemua 2,500 jenis industri-industri kecil (small scale industri) yang kementeriannya bertujuan untuk membangun semasa Rancangan Malaysia Kelima, dan sama ada rancangan beliau akan membantu pengusaha-pengusaha yang berminat dalam

bentuk kewangan dan teknikal untuk menyertai industri-industri kecil ini, dan jika ya, adakah terdapatnya "blue print" bagi satu bungkusan kewangan dan teknikal untuk memperkenalkan industri-industri kecil ini kepada pengusaha-pengusaha yang berminat.

- (b) untuk melaporkan apakah industri-industri sokongan yang telah pun didirikan bagi industri-industri berat yang sedia ada dan sama ada sebarang keuntungan yang telah diperolehi daripada industri pelaburan (foundry industry) skala kecil yang sedia ada di kawasan Menglembu, Ipoh, untuk menyokong industri-industri berat yang sejenis yang telah didirikan baru-baru ini.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:

- (a) Kementerian Perdagangan dan Perindustrian pada amnya sentiasa menggalakkan pembangunan industri-industri kecil di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Oleh itu, lagi banyak industri-industri kecil digalakkan pembangunannya maka adalah lebih baik dari segi pembangunan ekonomi negara. Hanya satu program khas untuk Bumiputera dengan kerjasama Kerajaan Malaysia dan Bank Dunia yang mempunyai matlamat pembangunan perusahaan kecil sebanyak 2,300 yunit dalam Rancangan Malaysia Kelima. Program ini mempunyai "blue print"nya yang tersendiri.

Buat masa ini bagi semua program-program Kementerian saya mengutamakan pembangunan industri-industri

kecil di dalam bidang-bidang seperti berikut:

- (i) Industri makanan;
- (ii) Industri kejuruteraan ringan;
- (iii) Industri berasaskan kayu, buluh dan rotan;
- (iv) Industri bahan-bahan binaan;
- (v) Industri plastik; dan
- (vi) Industri seramik.

Bagi semua program-program untuk membangunkan industri-industri kecil ini, Kementerian saya mengadakan bantuan-bantuan secara bersepadu yang melibatkan perkara-perkara seperti kewangan, teknikal, pemasaran, latihan, tapak kilang dan lain-lain lagi. Program-program industri kecil ini adalah diselaraskan oleh Kementerian saya dengan kerjasama agensi-agensi kewangan dan teknikal Kerajaan seperti Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB), Syarikat Jaminan Kredit (CGC), Bank Negara, Majlis Amanah Rakyat (MARA), Institut Piawai dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (IPPM), Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN) dan lain-lain lagi.

Selain dari bantuan kewangan oleh agensi-agensi tersebut di atas Bank Negara Malaysia juga ada mengeluarkan arahan kepada bank-bank perdagangan supaya memberi pinjaman sebanyak 12.0% kepada industri-industri kecil daripada jumlah pinjaman yang diberi pada tiap-tiap tahun sehingga

tahun 1985. Bank Negara sekarang ini sedang mengkaji semula arahan tersebut. Segala program yang dinyatakan di atas adalah dilaksanakan melalui perancangan-perancangan dan kajian-kajian yang teliti di antara Kementerian saya dengan agensi-agensi Kerajaan seperti yang tersebut di atas. Pengusaha-pengusaha yang berminat mengenai bantuan-bantuan yang disediakan bolehlah berhubung dengan Kementerian saya, agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti yang tersebut di atas atau bank-bank perdagangan.

- (b) Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sedang merangka satu program untuk menghubungkan industri-industri kecil kepada industri-industri besar atau berat supaya industri-industri kecil ini dapat menjadi industri-industri sokongan kepada industri-industri besar. Program ini adalah dikenali sebagai program "subcontracting" yang mana sekarang ini Kementerian saya sedang pun mengumpulkan maklumat-maklumat mengenainya. Dengan adalah maklumat-maklumat ini, maka ia akan memudahkan kerja-kerja untuk menentukan permintaan daripada industri-industri besar untuk dipanjangkan kepada industri-industri sokongan yang berkaitan untuk membekalkan permintaan-permintaan tersebut.

Rancangan-rancangan sedang dibuat untuk melaksanakan program-program "subcontracting" ini di seluruh Malaysia termasuk di kawasan Ipoh.

ALAT AMARAN HAD LAJU—PELAKSANAAN

21. Tuan Haji Mohd. Zain Abdullah minta Menteri Pengangkutan menyatakan bagaimanakah sambutan daripada tuan-tuan punya kenderaan terhadap penguatkuasaan undang-undang pemasangan alat had laju, dan apakah tindakan yang telah diambil ke atas pihak-pihak yang ingkar atau gagal mematuhi undang-undang itu. Sila butirkan apakah kesannya penguatkuasaan undang-undang tersebut terhadap matlamat mengurangkan jumlah kemalangan jalanraya. Nyatakan sehingga sekarang berapakah bilangan kenderaan yang dipasang dengan alat tersebut dan berapa peratuskah lagi bilangan kenderaan yang masih belum dipasang dengan alat yang tersebut.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman:

Oleh kerana terdapat beberapa persoalan yang agak sama mengenai pelaksanaan alat amaran had laju, saya ingin memohon izin supaya dapat menjawab kesemua pertanyaan itu pada hari ini, iaitu pertanyaan Yang Berhormat dari Bachok, Kelantan pada 17 Mac, 1986. Yang Berhormat dari Ulu Muda, Kedah dan Ahli Parlimen dari Labis, Johor pada 20 Mac, 1986; dan Ahli Parlimen dari Sungai Besi, Wilayah Persekutuan pada 27 Mac, 1986.

Pelaksanaan pemasangan alat amaran had laju baru sahaja dikuatkuasakan pada 1 Januari, 1986. Pada keseluruhannya, sambutan tuan-tuan punya kenderaan berat terhadap penguatkuasaan peraturan pemasangan alat amaran had laju adalah memuaskan meskipun terdapat sungutan-sungutan dari pihak tertentu. Sehingga sekarang, sebanyak 56,000 buah kenderaan berat telah pun memasang alat amaran hal laju. Sebanyak 4,462 buah kenderaan atau

7.3% masih belum memasangnya dan jumlah ini termasuklah kenderaan-kenderaan yang tidak digunakan di jalan raya kerana sebab-sebab tertentu.

Memandangkan peraturan pemasangan alat amaran had laju baru berkuatkuasa pada awal tahun ini, adalah terlalu awal untuk mengetahui sejauhmana keberkesanan pelaksanaan peraturan ini. Walau bagaimanapun, Kementerian ini sedang mengesan pelaksanaan peraturan ini dengan teliti, dan hasilnya boleh dilihat selepas tempoh enam bulan.

Kementerian ini sedar dan telah menerima laporan-laporan mengenai banyaknya kenderaan berat yang tidak mematuhi had laju yang ditetapkan walaupun kenderaan-kenderaan berat itu telah memasang alat tersebut. Namun demikian, berdasarkan laporan sedemikian, adalah tidak wajar sekiranya dikatakan pelaksanaan peraturan alat amaran had laju itu tidak mendatangkan apa-apa faedah.

Asas pertimbangan utama dalam pelaksanaan alat amaran had laju ialah untuk mempertingkatkan keselamatan jalan raya. Pemasangan alat amaran had laju bertujuan untuk mencetuskan bunyian "amaran" mengenai kelajuan kenderaan yang dipandu dan seterusnya menyedarkan pemandu-pemandu supaya mengurangkan kelajuan kenderaan mereka untuk mengelakkan berlakunya kemalangan jalan raya. Dengan demikian, penguatkuasaan keberkesanan peraturan ini tidak bergantung sepenuhnya kepada pihak penguatkuasaan, tetapi sebaliknya ia lebih bergantung kepada kerjasama, kesedaran dan tanggungjawab pemandu-pemandu untuk mengurangkan kelajuan kenderaannya apabila amaran dikeluarkan.

Kementerian ini sedang mengambil apa jua langkah yang perlu untuk memastikan peraturan alat amaran had laju dipatuhi demi untuk menjaga keselamatan pengguna-pengguna jalan raya melalui kempen kesedaran dan tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas lagi.

Sehingga hari ini, sebanyak 287 kes tidak memasang alat amaran had laju dan 762 kes kerosakan telah dapat dikesan. Di samping itu, terdapat juga 25 kes yang dikesan yang tidak mematuhi had laju yang ditetapkan.

PENYAKIT MALARIA

22. Tuan Hassan bin Haji Mohamed minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa banyakkah kejadian penyakit Malaria di negeri-negeri dalam Malaysia mulai tahun 1980 hingga sekarang ini dan di negeri manakah yang paling teruk sekali dan apakah yang telah dilakukan oleh pihak Kementerian bagi mencegah dan menghapuskan penyakit ini, sedangkan pada suatu masa dahulu, Malaysia pernah diistiharkan sebagai negeri yang bersih dari penyakit ini.

Dato' K. Pathmanaban:

(a) Kejadian Malaria mengikut negeri-negeri di Malaysia 1980-1985

Malaysia adalah terletak di dalam kawasan tropika, satu kawasan yang bermalaria. Sebelum perlaksanaan Rancangan Pembasmian Malaria dalam tahun enam puluhan, adalah dianggarkan pada tiap-tiap tahun berlaku sebanyak 300,000 kes Malaria di negeri-negeri Semenanjung Malaysia, 40,000 kes di Negeri Sarawak dan 250,000 kes di Sabah.

Dalam tahun 1980 Malaysia berjaya mengurangkan bilangan kes-kes Malaria ini kepada 9,110 di Semenanjung Malaysia; 765 kes di Sarawak; dan 34,351

kes di Sabah. Sejak tahun 1980 hingga 1985 jumlah kes tahunan adalah didapati lebih kurang ditahap yang sama seperti jadual yang berikut:

Jadual: Bilangan Kes Malaria Mengikut Negeri 1980-1985

<i>Negeri</i>	1980	1981	1982	1983	1984	1985
Perlis	4	10	31	11	12	37
Kedah	411	410	757	325	195	247
P. Pinang	108	53	101	54	34	35
Perak	2,129	1,648	3,000	2,413	1,902	2,045
Kelantan	3,664	3,198	3,685	3,552	4,099	3,081
Terengganu	437	623	2,201	1,471	932	1,071
Pahang	1,123	1,386	1,145	1,045	1,413	1,828
Selangor dan Kuala Lumpur	552	490	461	510	563	626
N. Sembilan	214	278	407	348	371	846
Melaka	68	75	225	99	52	31
Johor	400	460	368	291	163	522
Semenanjung Malaysia	9,110	8,631	12,411	10,069	9,731	10,369
Sabah	34,351	50,037	30,548	11,290	21,358	38,138
Sarawak	765	754	956	858	1,015	1,007
Malaysia	44,226	59,422	43,915	22,217	32,109	49,514

Terdapat kes yang paling tinggi sekali dari dahulu ke sekarang di negeri Sabah. Dengan tercetusnya semula Malaria di beberapa tempat di seluruh dunia dalam tahun tujuh puluhan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah menukar matlamat dan strateginya dalam tindakan mencegah Malaria daripada tindakan Rancangan Pembasmian Malaria kepada Rancangan Kawalan Malaria. Untuk menyesuaikan dengan matlamat dan strategi baru Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) itu, Malaysia juga telah menukarkan strateginya daripada Rancangan Pembasmian Malaria kepada Rancangan Anti Malaria dan

kemudian kepada Rancangan Kawalan Penyakit-penyakit Bawaan Vektor di dalam Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985).

Di dalam jangka masa ini, Malaysia bukan sahaja berjaya menghalang pencetusan semula Malaria di negara ini, tetapi juga berjaya membebaskan sebahagian besar negara ini daripada penyakit Malaria. Dalam tahun 1985, lebih kurang 95% daripada penduduk negeri-negeri Semenanjung Malaysia; 88% penduduk negeri Sarawak; dan 52% penduduk negeri Sabah tinggal di kawasan-kawasan yang bebas daripada Malaria (Malaria-free areas).

Walau bagaimanapun, kejadian kes dan pertambahan kes Malaria ada berlaku di beberapa tempat di seluruh negara dari masa ke semasa. Aktiviti-aktiviti mencegah Malaria telah dipergiatkan lagi dan penyakit ini bukan sahaja dapat dikawal tetapi dapat dihalang daripada merebak ke tempat-tempat lain. Kejadian kes dan bertambahnya bilangan kes kerap kali berlaku apabila sesuatu rancangan kemajuan tanah dibuka. Kejadian kes sebegini dikawal secepat mungkin supaya rancangan kemajuan tanah dapat diteruskan tanpa gangguan. Punca lain di mana kes Malaria boleh bertambah ialah dengan cara kemasukan kes-kes malaria dari luar. Pengesanan rapi adalah dijalankan terhadap pekerja-pekerja asing, bukan sahaja untuk menghalang kemasukan kes Malaria ke dalam negeri, tetapi juga untuk menghalang Malaria dari bertapak semula di negara ini.

- (b) Tindakan yang diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk mengawal Malaria.

Dalam tindakan memerangi Malaria, matlamat yang hendak dicapai ialah untuk mengurangkan kejadian kes Malaria di kawasan-kawasan yang bermalaria, dan juga menghalang kemasukan semula malaria ke kawasan-kawasan yang berjaya dibebaskan daripada malaria. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:

- (i) Menyembur D.D.T. ke rumah-rumah di kawasan-kawasan yang bermalaria dua kali setahun mengikut peraturan Plan Tindakan

rancangan ini. Di dalam kawasan yang bebas daripada Malaria, semburan fokal secara intensif adalah dijalankan jika berlaku kes Malaria.

- (ii) Tindakan penjagaan rapi terhadap kes-kes Malaria melalui Pengesanan Kes Pasif (Passive Case Detection) misalnya hospital, pusat kesihatan, klinik bidan, dispensari bergerak dan melalui Pengesanan Kes Aktif—(Active Case Detection) — melalui pekerja-pekerja pengesanan. Selaid (slide) darah untuk pemeriksaan mikroskop diambil daripada semua pesakit-pesakit yang mengidap demam atau disyaki menghidap Malaria untuk mengesan parasit Malaria. Ini adalah disusuli dengan diberi rawatan presuntif.
- (iii) Pengubatan radikal dan siasatan kes akan dibuat ke atas semua kes yang positif.
- (iv) Pengambilan darah beramai-ramai (Mass Blood Survey) dan Pengubatan beramai-ramai (Mass Drug Administration) adalah dijalankan, jika didapati perlu untuk mengurangkan masalah Malaria di semua negeri Malaysia.
- (v) Pendidikan kesihatan secara intensif diberikan kepada masyarakat yang berkenaan. Matlamatnya adalah untuk mendapatkan.

penglibatan dan penyertaan masyarakat di dalam tindakan mengawal Malaria melalui cara Pendekatan Penjagaan Kesihatan Utama.

- (c) Pengisytiharan Malaysia ke Taraf Bebas daripada Malaria.

Malaysia tidak pernah bebas daripada Malaria. Oleh itu, Malaysia tidak pernah diisytiharkan sebagai negara yang bebas daripada Malaria oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

KERETAPI LAJU

23. Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah beliau bercadang mengadakan perkhidmatan keretapi laju bagi bandar-bandar Kelang, Shah Alam, Petaling Jaya dan Kuala Lumpur.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu buat masa ini tidak ada cadangan untuk mengadakan perkhidmatan keretapi laju di antara bandar-bandar Kelang, Shah Alam, Petaling dan Kuala Lumpur.

SKIM PERKHIDMATAN BARU GURU-GURU

24. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Pelajaran menjelaskan benarkah pihak Kementeriannya sedang menyiapkan Skim Perkhidmatan Baru bagi guru-guru iaitu guru-guru tidak berijazah dan guru-guru yang berijazah. Jika benar apakah tujuan Skim Perkhidmatan Baru itu dan bolehkah ia menyelesaikan permasalahan perguruan di negara ini secara mutlak.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Kementerian Pelajaran telah bersetuju mengadakan dua skim sahaja bagi Perkhidmatan Pelajaran untuk menggantikan sebelas skim yang sedia ada. Cadangan Kementerian Pelajaran ini dijangka dapat memenuhi matlamat berikut:

- (a) Memberi galakan dan ganjaran
- (b) Menjamin kemajuan kerjaya yang lebih baik.
- (c) Menggalakan peluang kenaikan pangkat berasaskan pengalaman.

Adalah dijangkakan, cadangan dua Skim Perkhidmatan ini akan dapat menyelesaikan beberapa masalah yang dihadapi oleh Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pelajaran.

PERUSAHAAN CENDAWAN

25. Tuan Omar bin Abdullah minta Menteri Pertanian menyatakan apakah sebabnya usaha-usaha penanaman cendawan secara komersial tidak banyak yang berjaya. Apakah langkah promosi yang diambil oleh Kementerian untuk menggalakkan rakyat memakan cendawan memandangkan makanan ini mengandungi zat makanan yang tinggi mutunya. Apakah bantuan-bantuan yang disediakan oleh Kerajaan kepada penanam.

Tuan Luhut Wan: Di Malaysia perusahaan cendawan ialah dalam bentuk segera dan ini menimbulkan kesulitan kepada pengusaha tempatan kita. Kesulitan yang menghadkan perkembangan perusahaan ini secara komersial ialah:

- (a) Pasaran secara segar masih terhad memandangkan ini merupakan tanaman baru yang diperkenalkan.
- (b) Kurang pengetahuan mengenai aspek teknikal penanamannya walaupun kebanyakan

teknologinya ada bersama MARDI, FIMA, Jabatan Pertanian dan Universiti-universiti seperti UKM dan UPM.

- (c) Benih-benih yang diperolehi tidak bermutu kerana kebanyakan mereka beli dari Thailand atau membiakkannya sendiri walaupun pihak Jabatan Pertanian ada menjualnya.
- (d) Kos pengeluaran cendawan yang tinggi dan dengan itu menimbulkan masalah untuk mendapat pasaran.

Agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian seperti MARDI, Jabatan Pertanian dan IADP ada menjalankan projek penanaman cendawan di kawasan-kawasan petani yang tertentu dan dengan secara tidak langsung menerangkan kepada petani-petani mengenai mutu zat makanan yang baik yang boleh diperolehi dari cendawan. Agensi-agensi ini juga menganjur kursus-kursus penanaman cendawan untuk petani-petani/pengusaha-pengusaha yang berminat. Selain dari itu, agensi-agensi ini menjalankan projek-projek perintis penanaman cendawan bersama petani, untuk memindahkan teknologi tanaman cendawan ini. Bantuan-bantuan yang diberi adalah:

- (a) khidmat nasihat mengenai aspek penanaman cendawan.
- (b) memberi latihan serta demonstrasi mengenai penanaman.
- (c) pembekalan benih spora cendawan.

SABAH DEVELOPMENT BANK—KELULUSAN

26. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan

mengapakah beliau membenarkan Sabah Development Bank Sdn. Bhd. (SDB) menggunakan perkataan "Bank" di bawah seksyen 9 (1) Akta Bank 1973 pada hal SDB didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan menjalankan kegiatan sebagai sebuah bank perdagangan sedangkan ia tidak mempunyai lesen peminjam dan nyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk membetulkan keadaan tersebut.

Menteri Kewangan (Tuan Daim Zainuddin): Seksyen 9 (1), Akta Bank 1973 menegah seseorang atau sesuatu kumpulan orang yang bukan suatu bank berlesen, dari memakai atau menggunakan perkataan "bank" atau mana-mana terbitan daripadanya, kecuali jika diberi kelulusan oleh Menteri Kewangan.

Sabah Development Bank diberi kelulusan pada 31 Julai 1978 oleh Menteri Kewangan menggunakan perkataan "bank" pada namanya, di bawah Akta tersebut, oleh kerana aktiviti bank ini khusus berkaitan dengan "development banking" dan menyediakan pembiayaan kepada pengusaha-pengusaha perniagaan. Bank ini tidaklah menjalankan aktiviti "banking Business" sebagaimana yang biasanya dijalankan oleh bank-bank perdagangan yang lain seperti penerimaan deposit dari orang ramai.

Pada asasnya, kelulusan menggunakan perkataan "bank" diberi kepada institusi berkenaan yang mana aktiviti mereka mirip kepada aktiviti "banking". Selain daripada Bank Pembangunan Sabah, kelulusan menggunakan perkataan "bank" juga telah diberikan kepada beberapa institusi lain termasuk Bank Pembangunan Malaysia, Bank Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad dan juga Pejabat Perwakilan Bank Asing di Kuala Lumpur.

BURUH YANG DIIMPORT

27. Dato Michael Chen Wing Sum minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan atau telah memberhentikan pengimport pekerja-pekerja buruh memandangkan pada bilangan yang besar pekerja-pekerja kita yang telah hilang pekerjaan yang diakibatkan oleh kemerosotan ekonomi dan juga menyatakan jumlah pekerja-pekerja negeri asing yang kini bekerja di negara kita.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Soalan ini telah dijawab pada 13-3-86 dan saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

MAJISTRET—KEKOSONGAN JAWATAN

28. Datuk Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Kehakiman menyatakan bahawa menyedari banyaknya tunggakan kes-kes di Mahkamah Majistret berapa ramaikah Majistret akan diambil dalam tahun 1986 ini. Adakah syarat-syarat gaji yang lebih lumayan bagi Majistret sedang ditimbang bagi menarik minat mereka yang berkenaan.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Seboleh-bolehnya semua kekosongan jawatan Majistret akan diisi dalam tahun 1986 ini. Dengan kerjasama pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan adalah dijangkakan bahawa hasrat ini dapat dipenuhi.

Berhubung dengan gaji dan syarat-syarat perkhidmatan bagi Pegawai Undang-undang, satu kertas kerja telah disediakan oleh Kementerian Kehakiman untuk memperbaikinya dan telah pun dikemukakan untuk pertimbangan Kerajaan.

PUSAT KESIHATAN KECIL TRONG—TARAF

29. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Pusat Kesihatan Kecil Trong dalam Daerah Larut, Matang dan Selama, Perak telah sepatutnya dinaikkan taraf ke Pusat Kesihatan Besar. Jika sedar, bilakah rancangan tersebut akan dilaksanakan.

Tuan Ban Hong Keong: Kementerian Kesihatan sedar di atas keperluan menaikkan taraf Pusat Kesihatan Kecil Trong ke Pusat Kesihatan Besar dan bercadang untuk berbuat demikian dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Pembinaan projek ini dijadualkan bermula pada awal 1987.

PENERANGAN SENDIRI OLEH Y.B. AHLI DARI KOTA MELAKA

USUL MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN DIRAJA

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya minta duduk dahulu sebenar. Sebelum Yang Berhormat bangun membuat penerangan sendiri, saya ingin menyatakan adalah menjadi keputusan Tuan Yang di-Pertua bahawa dua ceraihan yang terakhir tidak menjadi bahagian-bahagian daripada penerangan Yang Berhormat tersebut. Oleh itu, saya hanya akan membenarkan Yang Berhormat membaca ceraihan pembukaan mukadimahnyanya, kemudian ceraihan satu, dua, tiga, empat, lima dan enam sahaja. Sila teruskan.

3.31 ptg.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 25 untuk membuat penerangan sendiri dan penerangan sendiri ialah:

Tuan Yang di-Pertua, semasa perbahasan atas Usul menjunjung kasih Titah Ucapan DiRaja berlangsung di dalam Dewan Rakyat pada hari Khamis, 13hb Mac, 1986, Ahli Yang Berhormat daripada Ulu Muda telah membuat sindiran bahawa ucapan yang disampaikan oleh saya di dalam Dewan pada 11hb dan 12hb Mac ke atas Laporan Akhir Jawatankuasa Penyiasat Ahmad Noordin mengenai Bumiputra Malaysia Finance telah disediakan oleh Chooi Mun Sou, seorang anggota Jawatankuasa tersebut dan bahawa saya hanya membacakannya di dalam Dewan ini.

Ahli Yang Berhormat daripada Ulu Muda telah berkata dan saya quote, "kalau tidak, dia tidak akan dapat bercakap dengan memberi quoting yang begitu lengkap kesemua paragraphs yang telah dibacakan di dalam Dewan yang mulia ini. Ini telah dibuat, sepanjang empat jam. Dan beliau seterusnya juga berkata, "mustahil bagi saya untuk mempercayai 13 jilid itu dibaca dalam masa tiga hari".

Tuan Yang di-Pertua, sindiran ini adalah satu sindiran yang tidak perlu dikeluarkan terhadap Chooi Mun Sou dan saya sendiri. Sungguhpun Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda tidak sedar bahawa beliau sebenarnya secara tidak langsung memuji saya serta juga mengakui bahawa beliau tidak membaca atau memahami dengan sepenuhnya Laporan Akhir BMF yang mempunyai 13 jilid itu kerana kesuntukan masa.

Saya ingin menyatakan dengan jelas dan tegasnya bahawa setiap perenggan, ayat, malah setiap perkataan di dalam ucapan saya itu di Parlimen mengenai Laporan BMF adalah hasil saya sendiri, bahawa Chooi Mun Sou tidak terbabit langsung dalam ucapan saya. Tidak ada seorang pun yang melihat ucapan saya sehingga ia disampaikan di dalam Dewan yang mulia ini kerana pada kedua-dua 11hb dan 12hb Mac bahagian masing-masing ucapan saya itu disediakan pada saat terakhir. Malah pada 12hb Mac saya hampir-hampir tidak dapat menyambung ucapan saya apabila perbahasan disambung semula kerana saya masih menyediakan ucapan saya pada ke saat terakhir dan hanya sampai di Dewan seminit sebelum perbahasan disambung semula. Disebabkan kesuntukan masa untuk membaca, memahami dan menyediakan ucapan ke atas Laporan Akhir BMF saya tidak dapat meliputi bidang-bidang lain yang pasti akan menambah sekurang-kurang 10 muka lagi kepada ucapan saya setebal 31 muka itu.

Saya ingin menyatakan bahawa saya tidak dapat membaca 5 jilid exhibit kerana tiada masa, namun dalam membaca dan menyediakan ucapan saya ke atas Laporan Akhir BMF, saya tidak tidur langsung pada satu malam dan hanya dapat tidur selama sejam pada malam selepasnya. Terima kasih.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pencen 1980; dibawa ke dalam

Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
PENCEN PIHAK-PIHAK
BERKUASA BERKANUN
DAN TEMPATAN
(PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
PENCETAKAN TEKS
AL-QURAN**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengawal pencetakan, pengimporan, penjualan, penerbitan dan pengedaran teks-teks Al-Quran dan bahan Al-Quran dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berhubungan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
PATEN (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Paten 1983; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

**UCAPAN TERIMA KASIH
KEPADA D. Y. M. M. SERI
PADUKA BAGINDA YANG
DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak seperti ini dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang berbunyi demikian:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, mohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur, dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Keenam”. (14hb Mac, 1986).

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Ahli dari Kuala Nerus menyambung ucapan.

3.43 ptg.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus): Bismillahir-rahmanir-rahim. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam menyambung ucapan saya dalam menyokong usul yang telah dibentang oleh Wakil dari Tanjong Karang menjunjung kasih Titah Ucapan Di Raja Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, di hari ini saya sukacita menyebut sedikit sebanyak mengenai Memali. Peristiwa Memali adalah suatu peristiwa yang menjadi titik sejarah tanahair kita, iaitu sejarah

hitam yang mana sejarah yang berlaku seperti itu semoga dilindungi Allah s.w.t. daripada berlaku pula di masa-masa depan.

Untuk menjauhi daripada berlakunya peristiwa yang seumpama itu, maka saya sukacita membuat cadangan kepada Kerajaan agar memberi perhatian perkara-perkara yang boleh menyekat ataupun terlindung daripada kejadian-kejadian seumpama itu di masa-masa akan datang, iaitu satu daripadanya memajukan kawasan-kawasan yang tidak maju kerana kalau di kampung-kampung terpencil dengan ketiadaan kemajuan membawakan penduduk-penduduk yang terpencil ini boleh menerima pengaruh-pengaruh yang bukan-bukan, seperti fahaman-fahaman agama yang tidak tepat. Oleh kerana di tempat-tempat terpencil, sulit bagi mereka hendak bertanya, hendak bertemu dengan ulama-ulama lain daripada yang ada di hadapan matanya, menyebabkan mereka terpendam dan terpengaruh dengan sesuatu pengaruh yang tidak betul ataupun pengaruh yang tidak benar-benar dalam segi hukum-hukum Tuhan, iaitu hukum-hukum dalam Islam.

Cadangan saya yang kedua mengatasi masalah ini supaya menjauhan daripada kemungkinan kejadian-kejadian seperti ini ialah supaya Kerajaan mengatasi masalah kemiskinan dengan secepat mungkin kerana kemiskinan dan kefakiran ini boleh membawa kepada kekufuran yang lebih cepat atau membawa kepada rakyat atau orang perseorangan boleh menjadi kepada peringkat putus asa. Orang-orang yang terlampau fakir atau terlampau suntuk dalam kehidupan membawa kepada fikiran yang sempit. Sebab itulah dalam kitab-kitab Islam ada menyebut, yang bermaksud:

Kefakiran ataupun kemiskinan yang sangat-sangat membawa

kepada dekat kepada kufur, iaitu membawa kepada seseorang itu sempit fikirannya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya ada satu permintaan kerana memandangkan saya dapat perhatikan yang mungkin banyak Ahli-ahli yang ingin berucap dan memandangkan setakat ini Yang Berhormat telah pun berucap selama 46 minit pada hari Jumaat, saya minta agar Yang Berhormat memberi masa sedikit kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain sekiranya mereka berhajat hendak berucap. Terima kasih.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sendiri pun dapat tahu bahawa banyak lagi Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berucap dan saya pun memang niat begitu juga, sebagaimana apa yang telah disebutkan oleh Tuan Yang di-Pertua.

Sebab itulah zaman Nabi Muhammad s.a.w. ketika Ia berpindah ke Madinah, mula-mula sekali Nabi Muhammad s.a.w. tengok masalah-masalah kemiskinan di Madinah dan mengatasi tentang kehidupan orang-orang Madinah; perumahan-perumahan orang-orang Madinah, kesusahan-kesusahan pendapatan orang-orang Madinah.

Apakah salah satu daripada sebab-sebab Rasulullah s.a.w. melakukan seperti ini, tak lain tak bukan kerana kemiskinan membawa kepada susah manusia memikirkan sesuatu perkara yang elok dan bernas dan membawa kepada mudah menerima sesuatu pengaruh yang karut-karut. Oleh itu, Islam adalah agama yang suci, agama yang bersih yang tidak ingin sama sekali umatnya berpegang atau memahami sesuatu dalam Islam dengan secara tidak tepat.

Cadangan saya ketiga supaya Kerajaan membanyakkan pendakwah-pendakwah Islam yang benar-benar berkebolehan untuk memberi penerangan-penerangan yang jelas mengenai kefahaman hukum dalam Islam.

Perkara yang berlaku di Memali ialah salah satu daripada sebab-sebabnya kurang faham dalam perkara-perkara kefahaman hukum dalam Islam. Keliru yang tidak dapat dijelaskan oleh orang-orang yang tertentu, kesimpulan hukum-hukum Allah yang sebenar, itulah membawa kepada mereka di Memali sanggup di antaranya sampai kepada peringkat menentang Kerajaan dengan secara kekerasan dan bersenjata. Sekiranya mereka itu faham hukum Allah sesungguhnya tidak sekali-kali mereka itu melakukan ataupun berlakunya seperti apa yang telah berlaku di Memali itu. Kerana hukum-hukum Allah jelas, sama ada dalam Quran ataupun Hadis. Tetapi sekiranya seseorang itu kurang menyelidik, kurang memahami hukum-hukum Allah tentu sekali boleh jadi kelabu dan mengelirukan. Apabila berlakunya kekeliruan maka dengan sendirinyalah mereka akan bertindak berbagai-bagai cara mengikut hawa nafsunya sendiri.

Cadangan saya yang keempat mengatasi segera sesuatu pergerakan-pergerakan kumpulan-kumpulan yang tidak sihat. Sama ada kumpulan-kumpulan itu bercorak rupa agama ataupun pergerakan-pergerakan yang lain yang boleh membawa ancaman keselamatan negara. Jangan dibiarkan, lama-lama seperti apa yang ada di Memali atau berlaku di Memali. Pergerakan Ibrahim Libya ini bukan dalam satu atau dua hari atau satu atau dua jam, sudah tentu pergerakan ini memakan masa, persediaan itu memakan masa berbulan-bulan atau berhari-hari, berminggu-minggu, atau bertahun-tahun.

Maka dengan itu mustahaklah bagi pihak Kerajaan mengatasinya dengan secara lembut dahulu sebelum membuat sesuatu keputusan yang akhir. Seperti menghantar orang agama yang betul-betul berkebolehan memberi penjelasan kepada penduduk-penduduk di Kampung Memali. Walaupun adanya Ibrahim Libya sebagai guru di situ, tetapi bagi pihak Kerajaan mesti hantar guru-guru yang lain untuk berceramah di situ, memberi syarahan di situ. Guru-guru itu mestilah betul-betul berkebolehan. Janganlah hanya pandai pakai songkok sahaja ataupun kita fikir seseorang yang selalu bersongkok itulah makna orang-orang yang berkebolehan. Jadi kita hantar dia. Kita percaya bahawa mereka adalah orang yang boleh memberi penerangan yang benar ataupun penerangan yang betul yang boleh memberi faham dalam segi hukum-hukum ini. Maka dengan cara itu membawa walau bagaimana sekalipun orang-orang sekiranya dia dengar sedikit demi sedikit, semoga mereka akan dapat memahami yang sebenarnya hukum dalam Islam ini.

Yang kelima mengetatkan lagi pemeriksaan-pemeriksaan kemasukan senjata-senjata api dari sempadan dan meneliti dengan secara sehalus-halusnya orang-orang yang kita hendak memberi lesen memiliki senjata api, kerana ini pun membawa kepada boleh orang-orang yang fahamannya tidak sihat, boleh membuat kumpulan-kumpulan berani melawan Kerajaan dengan senjata api yang ada pada mereka.

Yang keenam, membanyakkan pegawai penyelidik perkembangan Islam dalam negara ini. Kalau sekiranya kita ada CID ataupun kita ada Special Branch dalam dadah, dalam jenayah-jenayah yang lain, kita sepatutnya ada pula pegawai penyelidik, penyiasat dengan rapinya

di manakah ada kumpulan-kumpulan, pengajar-pengajar yang mengajar, guru yang mengajar yang boleh pengajaran-pengajarannya itu membawa kepada kumpulan yang boleh menyesatkan atau boleh membahayakan kepada fahaman-fahaman orang ramai. Jadi dengan laporan ini, dengan adanya penyelidik-penyelidik ini, kerana mereka boleh melaporkan kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya pihak berkenaan boleh atasi dengan apa cara pun sebelum mengatasi sesuatu itu dengan secara kekerasan.

Sebab kita dengar dalam negara kita ini, pengajaran agama sesat, pengajaran itu dan ini merata-rata berbunyi ataupun merebak, maka kita sepatutnya memperbanyakkan pegawai-pegawai penyelidik ini, semoga perkara ini dapat diatasi dari masa ke semasa.

Dalam perkara pembunuhan di Memali, hari ini kalau sekiranya kita dengar ulama-ulama dalam parti pembangkang, mereka mengagung-agung perkara yang berlaku di Memali itu dengan satu kempen yang boleh membawa keliru orang ramai. Ada berpendapat katanya di antara orang-orang kumpulan Ibrahim Libya ini katanya mati syahid, Ibrahim Libya pun mati syahid dan ada pula pendapat-pendapat ulama dalam Kerajaan atau dalam UMNO mengatakan ini tidak syahid. Jadi mana yang betul? Kalau kita sebut ulama semuanya serupa, tak ada pula ulama PAS, tak ada pula ulama UMNO, ulama Kerajaan. Apabila sebut nama ulama, ulamalah. Tetapi kalau sekiranya ada ulama dalam UMNO, ulama dalam PAS, ulama dalam Kerajaan, jadi ertinya hukum ini tidak muktamad.

Saya hendak bercakap sedikit di Dewan yang mulia ini, bukan sebagai sifat ulamak berada dalam UMNO, dalam Kerajaan atau dalam parti.

Saya hendak bercakap ini di atas hukum yang benar-benar diturunkan oleh Allah dan Rasul di dalam kitab yang muktamad, bukan secara taksuk kepada parti. Di dalam hadis dan pandu ayat-ayat Allah s.w.t., bahawa kematian yang seumpama itu bukan mati syahid. Sabda Nabi s.a.w. bermaksud: Siapa-siapa dibunuh, kena bunuh di bawah panji-panji tidak terang, di bawah bendera iaitu bendera babi-buta atau satu bendera yang tidak terang, tidak jelas bunuh atau matinya itu disebabkan:

- kerana marah kepada satu kumpulan kepada perkauman, marah kepada satu kaum yang lain;
- atau kerana hendak menyeru orang supaya masuk dalam satu kumpulan.

Kalau orang ini orang parti PAS misalnya dia seru atau ajak masuk PAS itu dia maknanya begitu:

- ataupun kerana menolong satu kumpulan;
- maka dia kena bunuh, dibunuh;
- pembunuhan seumpama itu adalah pembunuhan jahilliah.

Maka orang ini kita tengok tidak lebih daripada kerana hendak menyeru kepada masuk parti dari satu parti kepada satu parti, tidak lebih daripada hendak ajak pengundi-pengundi menyokong parti kita, tidak lebih daripada kita hendak ajak orang ramai supaya menyokong parti kita, supaya menang parti kita. Sekiranya ke arah itu maka Rassullah s.a.w. kata ini mati jahilliah, bukan mati syahid—jauh sekali, mati jahilliah iaitu mati yang akan pergi ke neraka jahanam. Ini hadis, bukan hadis politik, ini bukan hadis parti; dalam riwayat hadis muslim, dengan itu apa yang telah berlaku di Memali, kematian seumpama itu ada di antara menganggap mati syahid.

Di dalam kitab-kitab Allah s.w.t. menggambarkan syahid bagaimana? ialah orang-orang yang mati berjuang, berperang dengan orang kafir kerana meninggi agama Allah s.w.t. disuruh berperang kepada orang-orang kafir. Apabila berperang dengan orang-orang bukan Islam berbunuh dengan orang bukan Islam tiap-tiap pembunuhan di antara orang Islam dan bukan Islam, adakah semuanya dianggap mati syahid, sebelah orang Islam—tidak juga. Berperang sabillillah Allah s.w.t. telah gariskan bagaimana cara perang syahid, sebagaimana Firman Allah dalam Quran; berperang sabillah kamu, berperanglah kamu ke jalan Allah, berperanglah kamu iaitu perang sabillillah. Kepada mereka yang memerangi kamu, sesiapa mereka yang memerangi kamu itu ialah orang-orang kufur, orang-orang kafir yang mahu khianat kita, mahu menindas kita, iaitu orang-orang kafir yang mahu hapuskan agama kita, yang menyekat kita daripada mengerjakan ibadat, menyekat kita daripada mengerjakan fardhu haji, menyekat kita daripada perkembangan Islam, maka itu diperintah oleh pihak pemerintah, disuruhnya kita berperang, baru boleh berperang dan baru mati itu mati perang sabillillah; jangan sekali-kali kamu melampaui firman Allah, jangan sekali-kali kamu melampaui batas; bahawasanya Allah s.w.t. tidak suka kepada orang melampaui batas, orang-orang yang melampaui batas, daripada apa yang telah Tuhan gariskan orang-orang ini dia tanggungjawab sendiri di hadapan Allah s.w.t.

Allah s.w.t. berfirman; siapa-siapa yang melanggar hukum Allah, siapa-siapa yang melanggar batasan Allah s.w.t. telah gariskan; sesungguhnya dia zalim kepada dirinya sendiri. Apa ertinya zalim kepada dirinya sendiri, dalam dunia ini dia mati azab, dalam dunia ini dia mati kena bunuh, di hari akhirat dia akan masuk neraka. Itu

ertinya, sesungguhnya dia zalim kepada dirinya sendiri. Oleh yang demikian para hadirin sekalian

Timbalan Yang di-Pertua: Belum pilihanraya lagi.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Maaf, Tuan Yang di-Pertua. Tindakan Kerajaan ataupun polis terhadap apa yang berlaku di Memali, adakah ini suatu tindakan zalim, adakah ini suatu tindakan yang tidak kena dalam Islam? Adakah suatu tindakan yang dilarang oleh Islam, adakah sudah lari daripada landasan-landasan yang sebenar, pokoknya ini adalah kelabu, kenapa kelabu? Kalau dari huraian orang-orang Parti Pembangkang begitu huraiannya, dari orang-orang sebelah parti pemerintah lain pula huraiannya. Jadi sebenar-benarnya sesuatu perkara apa yang keliru, Allah s.w.t. telah menggariskan dalam Al-Quranulkarim suruh kita balik kepada hukum Allah dan hukum Rasul. Sesuatu perkara yang kita tidak terang, maka kita kembalilah kepada hukum Allah dan hukum Rasul iaitu kembali kepada kitab-kitab Allah. Apa kata kitab Allah; sekiranya kamu berselisih faham dalam sesuatu, maka hendaklah kamu kembalikan kepada kitab Allah dan kitab Rasul ertinya kembali, tengok hukum Allah kata apa, hukum Rasul kata apa.

Dalam Al-Quranulkarim Allah s.w.t. ada berfirman dalam perkara-perkara atau kejadian-kejadian manusia apabila berlakunya perselisihan, perbalahan percetusan sehingga sampai ke peringkat perang sesama sendiri. Firman Allah; Allah memberi ketetapan tentang pendirian sesebuah Kerajaan apabila tengok orang, kumpulan orang-orang Islam bergaduh, berperang sesama sendiri; apabila dua puak orang-orang mukmin, orang-orang Islam berperang, berbunuh, maka hendaklah pihak yang

bertanggungjawab memperbaiki, menyelesaikannya, nasihatkan, leraikannya; sekiranya satu puak ini sudah melampaui kepada puak yang satu lagi serang kepada puak satu lagi, maknanya secara tidak berperikemanusiaan lagi puak ini menyerang puak yang satu lagi, apa bagi pihak Kerajaan kena ambil tindakan terhadap puak yang menyerang ini tadi?

Maka kewajipan Kerajaan hendaklah serang puak-puak yang menyerang tadi hingga sampai kepada dia patuh kepada kehendak Allah, suruhan Allah iaitu perdamaian, aman dan damai. Jadi, bagi pihak Kerajaan kena serang puak-puak yang menyerang orang ini tadi.

Timbalan Yang di-Pertua: Bolehkah Yang Berhormat ambil masa lima minit untuk menggulungkan ucapan.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Boleh, insya Allah. Jadi, apa yang berlaku di Memali, perkara dengan Kerajaan sendiri. Tadi hukum Allah sekiranya dua puak berperang, tidak boleh secara baik, nasihat, tidak mahu pakai juga, maka Kerajaan kena serang pada puak yang melampau tadi. Puak ini dia dengan Kerajaan sendiri seperti apa yang berlaku di Memali, lebih-lebih lagi puak-puak Ibrahim Libya memulakan tembakan mengakibatkan matinya Polis dan sebagainya. Adakah apabila berlaku kejadian seperti itu boleh berlembut lagi? Hukum Allah apabila berlaku tindakan sesuatu kumpulan atau pergerakan secara bersenjata yang boleh membahayakan atau yang boleh membawa kepada kemudatan ataupun penjejasan keselamatan negara, maka berhaklah bagi pihak Kerajaan serang sekiranya mereka tidak patuh dengan cara yang baik. Hukum itu adalah dari hukum Allah s.w.t. demi kerana menjaga orangramai maka hukumnya adalah harus demi kerana menjaga

keselamatan umum. Maka dengan itu apa yang berlaku di Memali ialah perkara susunan-susunan senjata untuk melawan Kerajaan dengan secara kekerasan. Pada hal hukum Allah s.w.t. kita tidak boleh melawan ataupun menentang Kerajaan dengan secara kekerasan, secara apa sekalipun sebagaimana Sabda Nabi s.a.w. yang bermaksud "Apabila kamu tengok daripada pemerintah kamu sesuatu yang kamu tidak suka, maka hendaklah kamu benci pekerjaan dia sahaja dan janganlah kamu sekali lucutkan ketaatsetiaan kamu kepada pemerintah". Itu hukum dari Allah dan Rasul.

Maka dengan itu kalau sebuah negara ada secara kepimpinan ataupun secara undang-undang dibuat secara demokrasi sesiapa yang ingin merebut kuasa hendaklah dia merebut secara pilihanraya secara elok, secara aman, tidak harus sama sekali bertindak dengan bertumpah darah apabila sahaja ada pergerakan-pergerakan yang boleh membawa kepada penjejasan atau keselamatan ramai maka hukum Allah s.w.t. tidaklah reda dengan cara-cara yang seumpama ini. Maka sesiapa yang melakukan cara menentang Kerajaan dengan kekerasan ini adalah melanggar hukum Allah dan hukum Rasul. Orang-orang yang melanggar hukum Allah dan hukum Rasul itulah sebagaimana Allah s.w.t. berfirman seperti ayat yang saya bacakan tadi mereka akan pikul tanggungjawab sendiri, mereka akan pikul dosanya sendiri, mereka akan bertanggungjawab di hadapan Allah s.w.t. akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Lipis.

4.14 ptg.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie (Lipis): Bismillahir-rahman-nirahim. Tuan Yang di-Pertua, saya

Free Market System maka counter trade akan menjadi cara dagang yang bermakna kepada negara yang membangun. Saya berani menelah atau menduga di sini sekiranya tidak ada pembaharuan pemikiran di sisi negara Barat tentang soal ini, maka counter trade akan menjadi cara dagangan dunia sekurang-kurangnya 40% pada hujung abad ini.

Satu lagi perkara yang kita boleh fikirkan bahawa industrial revolution negeri Barat sekarang sudah sampai pada tahap yang hujung, yang akhir. Mereka akan berubah kepada peringkat baru seperti high-technology yang boleh menggunakan barangan tiruan dan tidak lagi memerlukan penggunaan barangan seperti getah dan timah asli yang banyak. Ini kita mesti terima hakikat ini, jangan kita asyik hendak tanam getah dan gali bijih sahaja, kerana mereka akan menggunakannya, semakin lama semakin kurang.

Oleh yang demikian kita harus memberatkan soal pertanian untuk mencukupkan makanan negara. Sambil itu kita berpegang tangan pula dengan negara-negara lain yang ada atau berpotensi mengeluarkan minyak kelapa sawit kerana Tuhan Rabul-alam telah memberi kepada kita, mengurniakan kita makhlukNya satu bahan barangan yang paling berhikmat (kelapa sawit) yang boleh dijadikan makanan dan barang-barang lain seperti sabun, minyak pelincir bahkan boleh menjadi tenaga bagi minyak motokar. Oleh yang demikian, sekiranya kita bekerjasama dengan pengeluar lain, kelapa sawit bolehlah kita bermuafakat tentang pengeluaran, saling membantu sama-sama pengeluaran tentang "harmonisation of production", tentang research dan berbagai-bagai lagi supaya kita tidak membuat satu perlumbaan yang merugikan atau mengerat leher sama sendiri. Kita

boleh bekerjasama dengan Indonesia, Papua New Guinea, Vanuatu, Nigeria, Ghana, Benin, Ivory Coast, Senegal dan banyak lagi nama-nama saya boleh sebut yang boleh bercucuk-tanam dari segi soal kelapa sawit, di mana-mana juga di Afrika atau di South America. Dengan secara kerjasama ini dapat kita memanfaatkan benda-benda bahan yang diberi oleh Allah ini. Bersama-sama kita harus memberi pengetahuan umum kepada dunia tentang besar gunanya minyak kelapa sawit ini, insya Allah.

Di dalam hal memajukan negara kita dari segi industri kita sebaiknya lebih mengutarakan transfer of technology yang effective, bukan lagi foreign investment. Modal asing datang ke mari ialah kerana kos pengeluarannya rendah. Apabila kos naik, mereka lari dan kita tinggal bogel tanpa perusahaan sendiri. Inilah satu perkara yang Perdana Menteri kita sangat pentingkan. Dari sekarang sepatutnya kita hendaklah mengutamakan investment kita sendiri, modal kita sendiri dan pemodal-pemodal kita sendiri. Jangan kita lekas mengejek-ejek. Kalau kita berangan-angan menjadi pengeluar, umpamanya satu waktu dahulu menjadi pengeluar motokar bahkan kita boleh menjadi pengeluar kapal selam. Semuanya ini boleh, hanya mahu tak mahu sahaja, tabah tak tabah. Orang lain tentu sentiasa berkehendakkan kita mundur supaya kita bergantung selama-lamanya kepada mereka.

Kita sudah mengeluarkan motokar kita pada masa ini, alhamdulillah, Proton Saga. Indonesia sudah berjaya dengan kapalterbangnya CASA. Mengapa kita tidak boleh berkongsi membuat satu-satu benda yang lain pula, umpamanya kapal selam. Ini bukan bermakna kapal selam untuk pertahanan sahaja tetapi semua jentera selam yang boleh menjelajah

di perut laut, di Lautan Pacific, di Lautan China, kerana rezeki penuh di dalam laut untuk manusia. Jadi semua negara akan datang bertumpu kepada kita untuk menggunakan alat-alat jentera yang kita buat. Ini bukan impian kerana teknologinya boleh diperolehi, boleh dapat. Hanya yang kita mahu, orang kita sanggup atau berani menanam modal di dalam satu venture yang begitu baru dan mempunyai masa hadapan yang cemerlang.

Berkenaan dengan soal Laut Pacific tadi, saya berharap dua perkara dapat diperhasikan. Pertama, tidak boleh tidak akan wujud satu pemikiran bersama tentang kepentingan negara Pacific bekerjasama sendiri. Oleh yang demikian supaya kita tidak mengekor orang lain, jadi pak turut, eloklah didorongkan ASEAN membuka langkah pertama dan menentukan had laju peranannya mengikut apa yang boleh dan penting di dalam bidang kerjasama Pacific ini.

Kedua, pulau-pulau yang sekarang sudah merdeka di Lautan Pacific seperti Fiji, Vanuatu, Papua New Guinea, Solomon, Western Samoa, Kiribati dan banyak lagi, semuanya ini dan lain-lain lagi bergantung kepada isi laut untuk penghidupannya. Alangkah sedihnya mereka itu melihat kapal penangkap ikan Amerika Syarikat menangkap ikan di dalam EEZ, Zon Ekonominya yang 200 batu dengan tidak mengindahkan negara pulau-pulau itu kerana, Amerika Syarikat tidak mengiktirafkan Undang-undang Laut atau Law of the Sea.

Apa yang mungkin jadi kelak satu-satu negara itu boleh mengajak Soviet pula menangkap ikan di sana dan nelayan Soviet akan dikawal dengan kapal perang Soviet yang juga menghalang orang Amerika menangkap ikan di sana tanpa izin. Bukankah ini akan menjadi satu punca

sengkita antara kuasa besar dan tidak ada gunanya pada masa itu negara-negara yang di pulau kecil ini dimarahi kerana mereka itu berhak untuk mencari rezeki.

Satu waktu dahulu Jepun juga tidak mengiktiraf Law of the Sea kerana pada waktu itu dia mengekor Amerika Syarikat. Saya pergi ke Tokyo berjumpa dengan Perdana Menteri Nakasone dan Menteri Luar Abe dibantu oleh sahabat saya Tuan Fukuda, Bekas Perdana Menteri, akhirnya mereka bersetuju mengiktiraf Law of the Sea dan ini sangat dihargai oleh negara di Pulau Pasifik. Jadi, saya berharap Kerajaan kita bersama dengan sahabat di dalam ASEAN dan lain-lain lagi memujuk Amerika Syarikat supaya mereka menyedari bahawa dasar yang negatif itu adalah bukan sahaja merugikan tetapi merbahaya dari segi keamanan dunia.

Negara-negara pulau dan negara membangun yang lain banyak memerlukan bantuan baik dari segi material atau tunjuk ajar. Di atas anjuran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, dasar South-South Cooperation, dengan izin, sudah wujud semenjak beberapa tahun lalu. Saya berharap dasar ini diperbesarkan dan dipergiatkan lagi dan dibawa seberapa banyaknya pihak swasta berkecimpung. Untung masa dekat barangkali tidak jelas nampak, tetapi faedah jangka panjang siapa pun nampak.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang sangat penting dan patut kita alu-alukan ialah tumbuhnya satu pergolakan baru di antara Indonesia dan Papua New Guinea. Satu masa dahulu keadaan di antara dua buah negara sahabat Malaysia ini adalah sangat tegang. Dengan izin Allah di bawah pimpinan Perdana Menteri baru, Pailas Winti maka yang tegang sudah menjadi kendur. Kita

Apa yang kurang menyenangkan iaitu sedikit sekali mereka itu memerhatikan soal Asia-Pacific. Sebab itu orang-orang di Asia-Pacific saya rasa tidak banyak memberi perhatian pada perjumpaan mereka di Geneva. Barangkali sebab itulah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong tidak bertitah apa-apa tentang itu. Saya berharap dua kuasa besar ini masing-masing mengadakan "consultative mechanism", dengan izin, untuk bermuafakat dengan negara Asia-Pacific yang juga sama memandang berat tentang keselamatan dunia.

Unsur-unsur ekonomi dan politik adalah sebahagian besar di dalam perhitungan kuasa dunia. Soal keselamatan hendaklah diperhatikan dengan teliti dan halus. Ini sudah tentu menunjukkan bahawa China juga mempunyai tempat, China juga mempunyai interest, terutama sekali security interest. Dan jangan kita lupa kalau United States berasa senang dan selamat, jangan kita lupa itu bermakna orang Soviet Russia akan berasa terancam dan khuatir dan begitulah juga sebaliknya. Dan hendaklah kita sentiasa mengingatkan United States bahawa kita menerima peranan China dan Jepun di dalam soal strategi dunia, pertahanan dunia tetapi janganlah hendaknya diamanahkan kepada China atau Jepun atau kedua-duanya untuk menjadi pelindung Asia. Kita sangat takut kepada pagar nanti akan makan padi.

Menyebut soal pagar makan padi kita sedih melihat pergolakan Bank Bumiputra yang diamanahkan menjaga kepentingan bumiputera nampaknya ada penyelewengan di sisi anggota pekerjanya. Yang menambah sedih kita bahawa laporan yang dibuat oleh jawatankuasa itu oleh kerana kurang lengkap dan banyak menyebut nama-nama Menteri walaupun tidak

patut diisi kerana hearsay sudah pula membawa syak wasangka bahawa Kerajaan terlibat. Walhal Kerajaan tidak terlibat. Mengikut terms of referencenya jawatankuasa itu hanya dikehendaki menunjukkan penyelewengan dan sebagainya untuk kepentingan Bank Bumiputra tetapi jawatankuasa itu sendiri menambah bebannya dengan mengatakan, dengan izin, saya baca dalam laporan itu, "Plainly in practice reports like ours may in a non-legal sense pre-judge later proceedings but this is generally accepted as an unavoidable concomitant of the discovery of the facts and their publication in the public interest". Saya underline in the public interest. Rupanya laporan ini dengan tuntutan dari jawatankuasa sendiri, bukan daripada bank, mengatakan bukan untuk kepentingan Bank bumiputra tetapi sudah menjadi kepentingan orang ramai, "public interest".

Oleh yang demikian, saya mengucapkan tahniah kepada mereka yang berani keluar batas daripada terms of reference yang asal tetapi saya lebih lagi menyanjung tinggi kepada sikap Kerajaan yang sanggup pula laporan ini dibentang kepada umum tanpa dilindung oleh parliamentary privilege.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun, hendak beri jalan?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Saya tidak beri jalan. Dia sudah bercakap dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tidak beri jalan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Yang sama seolah-olah Kerajaan bersabit di dalam hal ini. Contoh rangkaian Kerajaan dengan

penyelewengan dibuat dengan cara tidak langsung atau cara sindiran ataupun cara innuendo boleh didapati di beberapa tempat. Satu contoh yang paling terang ialah apabila jawatankuasa membuat kesimpulan yang tegas berkenaan dengan Grand Marine Holdings. "In the end, the Malaysian Government did not buy GMH and he was stuck". Itu kata jawatankuasa. Perkataan yang digunakan oleh jawatankuasa itu "in the end". Ini bermaksud ada beginning atau asalnya, ada awalnya, walhal itu hanya perkataan dibuat oleh George Tan dan tidak pernah disahkan. Sepatutnya jawatankuasa tidak boleh menggunakan perkataan seperti itu iaitu "in the end..." melainkan mereka mempunyai bukti sah bahawa benar-benar ada mulanya atau ada in the beginning Kerajaan mempunyai rancangan untuk membeli Grand Marine Holdings. Ini adalah menyedihkan, kerana ini menunjukkan seolah-olah Kerajaan Malaysia ada terlibat di dalam hal ini dan dengan cara ini Kerajaan Malaysia dengan sama sekali tidak tahu menahu dan disebut dan dipalit dengan lumpur tanpa apa-apa perlindungan. Saya kira hal begini adalah kurang bijaksana walaupun berani, jadi berani tidak bijaksana.

Satu lagi yang saya khawatirkan ialah Laporan ini yang sudah menjadi "harta am" boleh membawa untung kepada mereka yang sedang atau akan dibicarakan di Hong Kong sebagai *sub judice*.

Memang benar Attorney General Hong Kong mengatakan, dengan izin, "The Hong Kong authorities cannot legitimately object publication of our report in Malaysia". Itu memang benarlah. Itu sudah tentu kerana negara kita bukan colony British lagi, tetapi saya tidak senang dengan pilihan perkataan, ayat-ayat yang dibuat oleh Attorney-General Hong Kong itu, seolah-olah dia hanya

menerangkan pendiriannya dari segi politik antarabangsa, dari segi law antarabangsa. Dia hanya mengatakan, "Ia, saya tidak berhak menahan apa yang hendak dibuat di Malaysia", memang dia tidak ada hak, apa hak dia, dia Kerajaan Inggeris di Hong Kong, tetapi akibatnya di Hong Kong dia tidak disebut dan apa perasaan kita kemudian sekiranya Mahkamah di Hong Kong atau Privy Council membuang kes mereka yang didakwa sebab laporan ini membuat kes-kes itu *sub judice*.

Jadi, saya kira alangkah baiknya dan alangkah sempurnanya kalau laporan ini menunjukkan penyelewengan di dalam pelaksanaan atau anomalies in transaction tanpa menyebut nama dan kes-kes itu akan digunakan oleh Bank Bumiputra ataupun Commercial Crime Department Polis Di-Raja sebagai punca untuk mereka itu mencari atau mengesan siapa yang patut didakwa dan sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun begitu, kita di Dewan yang mulia ini patut berbangga bahawa segala tuduhan Pembangkang dan lain-lain pihak, orang-orang asing, mereka yang tidak senang dengan kita kononnya kita tidak mempraktikkan demokrasi, dengan sendirinya tohmah-tohmah itu hilang, sebab adanya perkara ini. Di mana ada negara yang begitu bebas membenarkan apa yang terjadi di Dewan yang mulia ini berkenaan dengan Laporan ini.

Sekarang terserahlah kepada pihak yang tertentu mengambil apa-apa tindakan yang sewajarnya yang berpunca dari laporan ini. Saya megah dengan Kerajaan dan negara Malaysia yang sanggup menghadapi soal ini dengan terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, saya berbangga bahawa saya seorang

warganegara Malaysia dan saya menyokong Usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

5.00 ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Usul Ucapan Terima Kasih terhadap Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang diucapkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Dalam Ucapan Terima Kasih ini isu Laporan Penyiasatan BMF merupakan perbincangan yang paling hangat sehingga Ketua Pembangkang daripada Kota Melaka, daripada parti DAP telah mengambil masa empat jam lebih seolah-olah persidangan yang paling agong sekali dalam sejarah hidup Wakil dari Kota Melaka, seolah-olah dialah yang paling bijak dan hero dalam memperjuangkan BMF ini. Adalah tidak salah bagi saya dan paling tepat tekanan saya, orang yang paling gembira sekali dalam hidupnya apabila berlaku BMF ini ialah Wakil daripada Kota Melaka, orang yang kedua gembiranya ialah Wakil daripada Kepong dan orang yang ketiga gembiranya ialah Wakil daripada Kuching. Dan orang yang paling tenang dan waras menghadapi skandal BMF ini ialah Wakil dari Kuala Lumpur Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya berkata demikian, kerana harapan Wakil Kota Melaka dan kuncu-kuncunya bukan sahaja dapat digunakan sebagai isu politik menghancurkan kepimpinan Melayu dalam negara ini tetapi juga dapat menggugat Kerajaan seterusnya merampas kuasa di dalam negara ini. Begitulah sekali cita-cita ular lidi

hendak menjadi naga dan cita-cita Mat Jenin hendak berkahwin dengan anak raja, akhirnya jatuh terkangkang.

Tuan Yang di-Pertua, tak usahlah Wakil daripada Kota Melaka cuba menjadi hero dalam perkara ini kerana penglibatan Pembangkang dalam masalah skandal BMF ini sepertilah tikus membaiki labu, labu akan bertambah rosak, air akan menjadi bertambah keruh dan rambut akan menjadi bertambah kusut kerana niat Pembangkang adalah jauh bezanya daripada niat Kerajaan. Sebab itulah beria-ia benar menuduh Kerajaan dan juga Bank Bumiputra tidak bertanggungjawab tetapi sebaliknya DAPlah yang bertanggungjawab iaitu bertanggungjawab untuk menghancurkan Bank Bumiputra dan juga BMF itu sendiri.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada Ahli Yang Berhormat yang bangun.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Duduklah! Tuan Yang di-Pertua, skandal BMF merupakan satu tragedi yang besar kepada negara ini dan diakui oleh semua orang termasuk saya sendiri. Tragedi ini menjadi lebih besar lagi apabila ianya digambarkan oleh DAP, Wakil daripada Kota Melaka serta kuncu-kuncunya termasuk juga SDP. Tetapi sebaliknya tragedi ini adalah kecil kalau kita bandingkan dengan tragedi yang akan berlaku dan akan tetap berlaku apabila ianya dibabitkan dengan nama-nama pemimpin Melayu dengan cara yang tidak berasas dan juga disentuh dengan sindiran-sindiran agakan serta kemungkinan-kemungkinan yang menimbulkan syak wasangka dan juga tidak berkeyakinan dengan tidak dapat memberi kesimpulan tentang penglibatan pemimpin negara kita itu. Kalau

skandal BMF ini satu jenayah besar maka melibatkan nama pemimpin negara merupakan satu jenayah yang lebih besar lagi, kerana ianya tidak boleh dimain-mainkan atau dijadikan isu, kerana akibat daripada tuduhan dan tomahan yang tidak berasas mengakibatkan pemimpin di dalam satu-satu skandal itu adalah lebih besar atau lebih buruk padahnya daripada skandal yang berlaku itu kepada negara dan rakyat yang setia kepada pemimpin itu. Apabila satu-satu tragedi berlaku sebagaimana yang ada di hadapan kita ini, apakah kita inginkan satu lagi tragedi yang lebih besar akan berlaku dan juga akan lebih bahaya lagi kepada negara kita ini. Oleh itu, rakyat tidak akan terpedaya dengan api yang dimainkan oleh DAP daripada isu BMF ini, kerana ianya menimbulkan isu BMF bukan untuk membina atau memikirkan kepada keadaan yang baik untuk kepentingan negara tetapi adalah ke arah yang buruk dan berniat yang negatif terhadap negara dan juga kepimpinan Melayu dalam negara ini. Pemimpin Melayu

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada Ahli Yang Berhormat yang bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Peraturan Mesyuarat 36 (6). Kerana dia itu menyelar DAP dan mengatakan bahawa DAP hendak membangkitkan keburlukan orang-orang Melayu. Inilah satu sangkaan yang jahat dan tidak patut ditimbulkan di sini.

Yang kedua, mengenai DAP yang hendak rampas kuasa, bolehkah tunjukkan bukti-bukti yang boleh mengesahkannya?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta penjelasakah atau hendak bawa di atas Peraturan Mesyuarat?

Dr Tan Seng Giaw: 36 (6).

Tuan Yang di-Pertua: Kalau atas Peraturan Mesyuarat, janganlah bertanya. Saya rasa itulah cara-cara general boleh dibenarkan, bukan specific. Sila teruskan.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, wakil DAP ini

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta teruskan.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: dia tidak cukup masa yang telah diberi 4 jam barangkali. Tuan Yang di-Pertua, kerana ianya boleh membina isu BMF bukan untuk membina atau berfikir ke arah yang baik untuk kepentingan negara tetapi ke arah yang buruk dan berniat yang negatif terhadap negara dan kepimpinan Melayu dalam negara ini, kepimpinan Melayu yang menjadi tulang belakang kepada Barisan Nasional dan tulang punggung kepada parti PAS. Kerana pemimpin Melayu yang ada dalam PAS itu sebagai saki baki pemimpin yang keciwa dalam perjuangannya. Seperti DAP juga keciwa dalam perjuangannya untuk kaum Cina dan India. Adalah lebih bahaya lagi, Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Tan Sri Ahmad Noordin ini yang diberi amanah oleh Bank Bumiputera dan juga Kerajaan menjalankan penyiasatan tetapi ada di antara daripada Jawatankuasa tersebut telah bermain kayu tiga, tidak amanah menghantarkan butir-butir Laporan ini lebih awal kepada pihak tertentu di dalam negara kita ini, dan yang paling sedih sekali menyelitkan tambahan Laporan yang berjilid-jilid itu dengan tujuan untuk memburukkan keadaan yang telah pun buruk sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara BMF ini telah berlaku, kita menganggap sebiji gelas telah pecah, seperiuk nasi

telah menjadi bubur. Kalaulah DAP yang pandai, kalaulah Wakil Kota Melaka seorang yang bijak dan waras, apakah beliau mahu sebiji lagi gelas akan pecah atau seperiuk nasi lagi akan menjadi bubur dan dengan tegas satu tragedi atau malapetaka yang lebih dasyat lagi akan berlaku dalam negara ini. Kalau inilah niat dan cita-citanya, kalau inilah yang mereka mengharapkan maka adalah amat tidak baik, adalah amat kesal sekali kalau manusia yang berperangai seperti ini, tanpa berhati perut tidak memikirkan ke arah kebaikan. Sebab itulah mereka laungan-laungan supaya perkara ini diketahui oleh semua orang dan supaya Bank Bumiputra ini akan menerima kehancuran dan lenyap.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang sedar bahawa Jawatankuasa Penyiasat ini telah bekerja kuat selama dua tahun, menurut bidang kuasa perlantikannya. Jawatankuasa Penyiasatan ini dikehendaki menumpukan perhatian kepada penyalahgunaan kuasa, penipuan, pelepasan wang dan juga segala penyelewengan. Jadi terserahlah kepada Jawatankuasa ini untuk membuat syor-syor kepada Bank Bumiputra Malaysia Berhad mengenai cara-cara untuk memperbaiki pengawalan Bank Bumiputra ke atas BMF.

Cara ini seterusnya boleh dijadikan contoh untuk BMF bagi mengawal anak-anak syarikatnya dan juga untuk mengawal kegiatannya pada masa hadapan. Tetapi Jawatankuasa Penyiasat setelah mendapati berlakunya penyelewengan, ia tidak pula mengemukakan apa cadangan yang boleh memperkemas pengurusan Bank Bumiputra dan juga pengawasannya. Jawatankuasa ini telah ditubuh dengan mempunyai bidang kuasa yang tercatat di dalam Lampiran I Kertas Putih, tetapi tidak dipatuhinya. Sungguhpun

Jawatankuasa ini diberi kebebasan di dalam menjalankan penyiasatan, ia adalah bertanggungjawab kepada badan yang melantiknya. Adalah tidak dapat dinafikan lagi bahawa Laporan Akhir mengandungi keterangan-keterangan yang penting, Jawatankuasa ini telah menjalankan penyiasatan yang mendalam mengenai berbagai-bagai hal yang terjadi dari skandal tersebut. Walau bagaimanapun, setengah-setengah keterangan yang dikemukakan dalam Laporan itu boleh menimbulkan kerumitan bagi beberapa orang yang nama mereka disebut serta boleh juga membawa kesan buruk ke atas perniagaan Bank Bumiputra itu sendiri.

Sebenarnya beberapa tanggapan yang dibuat oleh Jawatankuasa itu adalah samar-samar dan tidak tepat. Tanggapan-tanggapan ini meliputi hal-hal di luar bidang kuasa Jawatankuasa ini. Laporan ini telah beberapa kali membuat sindiran dan andaian yang tidak disokong oleh bukti-bukti dan juga kadangkala tidak menunjukkan kaitan dengan BMF di dalam skandal \$2.5 billion ini. Banyak ianya menimbulkan persoalan yang tidak bertanggungjawab, seolah-olah melemparkan batu sembunyi tangan. Cerita-cerita sekerat-sekerat, tak habis dan tak lengkap, lebih kurang samalah dengan cerita DAP ataupun hadis yang dibaca oleh pihak PAS. Tujuannya adalah untuk mengelirukan; yang tak patut disentuh, disentuhnya dan yang tidak patut dimasukkan, dimasukkan ke dalam laporannya. Mungkin ada motif lain yang hendak dipolitikkan bagi menggugat kepimpinan Melayu atau hendak membantu DAP yang laparkan isu ataupun modal bagi menghadapi pilihanraya akan datang ini.

Tuan Yang di-Pertua, contoh-contohnya di dalam Jawatankuasa itu

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun. Atas apa?

Dr Tan Seng Giaw: 36 (6) lagi

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat tak boleh dibenarkan, itu "fair comment". Sila teruskan.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, contoh-contoh di mana Jawatankuasa itu telah membangkitkan prasangka tanpa bukti-bukti yang nyata, misalnya pembelian Gammon House dan juga pembelian Grand Marine holdings, dan juga pembelian travellers cheques oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh dan juga pinjaman kepada Asiavest dan Sherridon dan juga pembayaran kepada Fleet Group serta pembayaran kepada Datuk Junus Sudin. Bukan salah bagi Jawatankuasa Penyiasat itu menyebutkan perkara-perkara yang saya katakan tadi, tetapi tidak mestilah kita menyebutnya kalau kita tidak menggunakan perkara itu sebagai bahan untuk merumuskan sesuatu kesimpulan. Sepatutnya mestilah ada bukti-bukti yang nyata dan juga mencukupi untuk membangkitkan hal-hal itu dengan penglibatan orang-orang yang nama mereka disebut mengenai skandal BMF dan memenuhi prinsip "natural justice" sebagaimana yang kita kehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, kita mestilah berhati-hati supaya tidak mencemarkan nama orang-orang tanpa bukti-bukti yang nyata. Dengan demikian, barulah laporan ini menjadi satu laporan yang lengkap dan sempurna. Bukanlah ianya terapung-apung dan juga memberi peluang kepada orang membuat tanggapan dan

prasangkanya masing-masing, prasangka yang salah terhadap orang yang namanya disebut. Dari laporan itu, Jawatankuasa itu nampaknya membayangkan bahawa George Tan adalah seorang yang paling dipercayai dan telah menyentuh dengan luas affidavit George Tan dan juga cerita-cerita laporan orang yang terlibat. Namun demikian, George Tan dihadapkan di mahkamah di Hong Kong atas kes-kes penipuannya. Apakah Jawatankuasa itu telah diberitahu sepenuhnya tentang perkara ini?

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh, dalam laporan itu menunjukkan tuduhan George Tan itu ada kebenarannya yang menyatakan bahawa George Tan ini memberi kebenaran sebenarnya. Sembilan kes pelaburan asing telah disebut. Pelabur-pelabur ini katanya menjadi pelanggan bank saudagar bumiputra ini. Di dalam muka 147(f) Laporan Akhir I telah memberi bukti. Dari Laporan Jawatankuasa itu tidak nampak sebarang bukti atau keterangan bahawa adanya pelanggan-pelanggan tersebut, namun demikian, perkara ini dimasukkan juga di dalam laporan itu. Apakah pendapat Kerajaan mengenai maksud Jawatankuasa itu yang dimasukkan kenyataan ini dalam laporan tersebut? Hanya adalah untuk memenuhi barisan-barisan dalam laporan tersebut atau untuk menebal atau menambah jilid laporan yang dibuatnya itu.

Dalam bidang kuasa perlantikan itu tidak disebut langsung bahawa Jawatankuasa itu bebas membuat pengumuman kepada umum. Tanggungjawab ini adalah hak mutlak Bank Bumiputra dan Kerajaan. Sayogia ditegaskan bahawa tanggungjawab utama Jawatankuasa Penyiasat ialah menjalankan penyiasatan sedalam-dalamnya dalam perkara kes penyelewengan itu. Tetapi

jelas Jawatankuasa ini telah melampaui bidang kuasanya dengan meminta nasihat daripada Queen's Counsel mengenai soal sama ada laporan itu dapat dihebahkan.

Apa yang penting bukan menyembunyikan skandal BMF daripada orang ramai, tetapi Laporan Jawatankuasa Penyiasat itu sepatutnya adalah satu laporan private. Jawatankuasa ini dilantik oleh Bank Bumiputra, sepatutnya ianya memahami tanggungjawab dan bidang kuasa yang ditetapkan. Jangan pula digunakan kedudukan itu untuk mencari popularity ataupun mencari publicity murah untuk menjadi hero konon di dalam perkara ini, tetapi sebaliknya adalah menjadi seperti buruk menerkam tuannya. Oleh itu, tuannya mestilah berbuat sesuatu supaya buruk itu patuh kepada tuannya. Apabila laporan ini dapat kepada orang tidak bertanggungjawab, maka ianya akan menjadi isu politik dengan tujuan yang lebih besar dan dengan tujuan memburukkan lagi keadaan di Bank bumiputra, seperti kita memberi bunga kepada buruk, terlompat-lompat, tersengih-sengih, kadang-kadang dikoyak-koyak kerana dia tidak tahu mengguna apa yang diberikan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Laporan ini telah menjelaskan banyak aspek tentang sejauh mana kegiatan atau cara-cara pegawai BMF bersama-sama George Tan menipu wang BMF dan cuai dalam tanggungjawabnya. Adalah jelas menunjukkan bahawa pagar telah berkongsi dengan lembu untuk memakan padi secara terbuka. Kalau saya kata pagar makan padi, telah pun digunakan oleh saudara saya tadi. Sebenarnya syak-wasangka dan punca kurang keyakinan rakyat terhadap pemimpin negara boleh dapat dielakkan jika Jawatankuasa Penyiasat ini menjalankan atau

menyempurnakan tugas mereka seperti yang Kerajaan dan bumiputra harapkan.

Pihak Jawatankuasa telah meramalkan dengan agak-agak dengan tidak membuktikan perkara penglibatan Gammon House di Hong Kong, telah menjadikan satu tipu muslihat penting dan juga permulaan dalam penipuan pihak Kumpulan Carrian dalam rancangan mereka mendapat keuntungan secara berleluasan daripada pasaran harta tanah ataupun real estate, pohon izin, di Hong Kong yang pada masa itu sedang naik nilainya. Adalah malang Jawatankuasa telah cuba mengaitkan nama Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dalam muslihat jahat ini dengan hanya menggunakan satu kenyataan dari Dr Rais Saniman iaitulah pegawai Bank Bumiputra dan juga Pengarah ganti kepada BMF dan apa yang dilaporkan oleh Dr Rais Saniman sebagai yang dikatakan oleh George Tan.

Cerita-cerita di kedai-kedai kopi dan restoran diambil kira daripada orang-orang yang hendak mencari kesempatan dengan mengatakan Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh pada ketika itu Menteri Kewangan khabarnya ada menyebut bahawa Kerajaan Malaysia ada berminat membeli Gammon House dan minta pinjaman diluluskan. Tetapi sebaliknya Datuk Hashim, Pengarah Eksekutifnya sendiri ada menyebutkan dengan sekeras-kerasnya bahawa semua pinjaman Bank Bumiputra adalah semata-mata keputusan Bank Bumiputra dan tidak ada campur tangan dari sebarang pihak berkuasa luar berkenaan dengan special borrowing, pohon izin, sebanyak US\$200 juta itu. Begitu jugalah Dr Nawawi sendiri, tanpa usul periksa mempercayai pegawai-pegawainya terutama Dr Rais untuk dilaporkan kepada Bank Negara apabila Bank Negara ketahu

pinjaman kepada Carrian telah meningkat begitu banyak. Untuk melepas diri dan menutup kelemahan sendiri walaupun beliau tahu pembelian Gammon House tidak jadi dan tidak berlaku, tetapi Bank Bumiputra terus membuat pembayaran dan dikatakan agaknya untuk pihak lain, tidak diterangkan pihak siapa, kenapa laporan ini tidak disahkan kepada siapa bayaran ini dibuat. Inilah keterangan dan tuduhan-tuduhan yang tidak bertanggungjawab, masing-masing untuk meletakkan kesalahan-kesalahan kepada orang lain dan mencari siapa yang lemah ketika itu mungkin dengan tujuan dan motif yang lain pula.

Tuan Yang di-Pertua, Dr Rais pula pura-pura menyatakan dirinya baik, seolah-olah tidak tahu dengan concerted plan, pohon izin, iaitulah rancangan yang tersusun oleh puak-puak mereka, kononnya hendak berhenti dan hendak letak jawatan, tidak mahu terlibat dengan urusan pembelian Gammon House yang dikatakan luar kebiasaan "unorthodox" itu.

Jadi, kembali kepada apa yang berlaku ini adalah masing-masing hendak melepaskan diri daripada tuduhan ini. Kembali kepada George Tan sendiri, seorang crook perniagaan yang mencari keuntungan dengan kesempatan yang mudah, bukan sahaja ia hendak menjadi ejen pembelian Gammon House, tetapi telah menulis surat kepada Ibrahim Jaafar, Pengurus BMF pada 17-12-79 dengan menggunakan nama Menteri Kewangan Malaysia untuk menjadi ejen bagi pihak Kerajaan Malaysia untuk membeli Lap Heng Building, dan meminta BMF mengeluarkan US\$10 juta kepada Syarikat Plessey Investment Limited iaitulah PIL.

Syarikat ini pula ditubuhkan semata-mata untuk menerima wang dan melaksanakan concerted plan iaitulah rancangan yang tersusun mereka itu, dan dalam masa tiga hari pada 19-12-79, wang sebanyak US\$10 juta dikeluarkan kepada syarikat PIL dan wang itu didepositkan oleh PIL kepada bank-bank dan pihak-pihak untuk membayar overdraft dan juga untuk tujuan yang lain daripada tujuan yang sebenarnya. Dengan ini jelas dan terang sekali yang pembelian Bangunan Lap Heng tidak kena mengena dan tidak ada peranan yang dimainkan oleh Syarikat PIL. Apabila Kerajaan Malaysia menyatakan Perbendaharaan Malaysia dari semenjak mula-mula berurus dan mula-mula membuat keputusan membeli Lap Heng Building ini dengan urusan terus dan menggunakan wang daripada Kerajaan iaitulah daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan. Tetapi malang, pinjaman dari BMF diberi juga. Ini adalah rancangan tersusun mereka yang telah mereka lakukan. Oleh itu, penglibatan nama pemimpin juga merupakan rancangan mereka yang direka untuk mengelakkan diri mereka masing-masing.

Tetapi sedihnya, Jawatankuasa ini tidak dapat membuat kesimpulan dalam perkara ini, sebaliknya telah melaporkan segala ramalan mereka dalam muslihat ini dan mencadangkan siasatan yang lanjut diadakan. Sudah 14-16 jilid diadakan, minta satu siasatan lanjut lagi diadakan. Mengapa mereka tidak siasat sendiri perkara ini, mengapa mereka melempar batu sahaja kemudian sembunyi tangan? Cara ramalan ini dibuat sudah tentu menimbulkan beberapa tandatanya dalam fikiran sesiapa pun yang membuat laporan itu. Jika Jawatankuasa telah memikirkan perkara ini penting apakah sebabnya mereka tidak bertanya kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan sendiri dan

juga pegawai-pegawai di Perbendaharaan untuk menentukan perkara ini. Adakah mereka ini dihalang di dalam meneruskan siasatan mereka ini dan adakah pihak Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan atau Perbendaharaan tidak mahu memberi kerjasama dalam menentukan apa yang benar-benar telah berlaku dalam pembelian sebuah bangunan pejabat di Hong Kong untuk dijadikan kegunaan Jabatan-jabatan dan juga urusan kita di sana. Dengan ramalan dan andaian yang dibuat oleh Jawatankuasa ini, Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dan juga pihak Perbendaharaan terpaksa, menjelaskan apa yang telah berlaku bagi menjaga nama baik mereka dengan memberi surat kepada pihak Bank Bumiputra yang dilampirkan dalam Kertas Putih Kerajaan, tetapi sedihnya bukti dan pengakuan yang diberi oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh dalam Kertas Putih ini dianggap nipis oleh pihak wakil Kota Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita baca Kertas Putih itu kita senang sahaja dapat menerima kenyataan bahawa Kerajaan Malaysia tidak pun bercadang membeli Gammon House daripada permulaannya lagi dan satu kumpulan Pegawai Perbendaharaan dengan dibantu oleh Pegawai Perundangan dan juga Penilaian Kejuruteraan dan sebagainya telah pergi ke Hong Kong dan telah ditentukan bahawa Bangunan Lap Henglah yang sesuai dan juga harganya telah ditentukan melalui perundingan dengan syarikat yang mengendalikan bangunan itu, serta perjanjian pembelian dimeterikan dan dibayar kosnya dengan tunai dari Kumpulan Wang Yang Disatukan daripada Kerajaan Malaysia melalui pejabat Malayan Banking di Hong Kong pada masa itu tetapi Jawatankuasa Tan Sri Ahmad Noordin telah terperangkap dan tersilap dengan kenyataan yang diberi

oleh Dr Rais Saniman dan telah menyatakan sebaliknya dan Dr Rais Saniman telah memberitahu kepada pihak Jawatankuasa beliau dimaklumkan oleh George Tan bahawa Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh telah memintanya, iaitu George Tan untuk membeli Gammon House dengan harga US\$200 juta dengan pinjaman wang daripada BMF. Dan bercadang untuk menjualnya semula kepada Kerajaan Malaysia dengan harga US\$250 juta—dibeli dengan harga US\$200 juta dan akan dijual dengan harga US\$250 juta, iaitu akan mendapat keuntungan sebanyak US\$50 juta secara senang dan mudah sahaja.

Jawatankuasa Tan Sri Ahmad Noordin mesti lebih tahu dengan kebenaran kepada percakapan dan juga keterangan yang Dr Rais Saniman, dan lain-lain pegawai yang terlibat ini, daripada kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin ataupun Menteri-menteri kita. Orang yang tersepit dan juga mereka yang telah rapat ke dinding seperti ini apa sahaja akan melakukan untuk mereka menyelamatkan diri mereka.

Tuan Yang di-Pertua, jika Jawatankuasa mempercayai apa yang dilaporkan oleh mereka yang terlibat sendiri, tentang penipuan, pencurian serta cakap bohong yang dilakukan oleh Kumpulan George Tan dan juga pegawai BMF itu sendiri, mereka tidak harus memberi nilai satu sen terhadap keterangan mereka itu. Tetapi adalah satu yang amat malang: Jawatankuasa tidak bertanya kepada Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh dan juga pegawai-pegawai Perbendaharaan tentang apa yang telah berlaku, sebaliknya pula Jawatankuasa memberi sokongan tentang asas kebenaran dan juga kenyataan yang direka oleh George Tan dan Dr Rais Saniman yang memang ingin menyelamatkan

kedudukan diri mereka sendiri. Begitu juga dengan pembelian travellers cheques dan juga pinjaman kepada Asiavest dan Sheridan yang tidak kena-mengena dengan skandal BMF yang dimaksudkan di dalam Laporan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, travellers cheques dibeli dan dibayar jelas oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh, tetapi Jawatankuasa Tan Sri Ahmad Noordin ini membayangkan ataupun nampaknya atau agak-agak atau diagakkan daripada tabung wang Knife & Dagger ataupun—atau lagi—daripada Silver Present. Adakah boleh satu Jawatankuasa pakai “agak-agak” atau pakai “nampaknya” atau guna fikiran sendiri untuk membabitkan seorang pemimpin dan juga negara? Jika kita perhatikan di dalam Lampiran XI di dalam Kertas Putih yang dibentangkan dan cara-cara George Tan dan pegawai BMF telah menjalankan tipu-muslihat mereka, adalah jelas bahawa pihak BMF dan juga George Tan telah mendengar berita mengenai hasrat Kerajaan Malaysia hendak membeli sebuah bangunan di Hong Kong; dan seterusnya menjadikan berita itu sebagai satu lagi asas untuk mereka meminjam wang kepada BMF, semuanya atas berita angin dan keterangan yang dipalsukan dengan sewenang-wenangnya.

Wang pinjaman sebanyak \$200 juta yang diperolehi daripada BMF itu pula tidak juga digunakan oleh George Tan untuk menyelesaikan bayaran kos Gammon House yang dikatakan itu. Ianya digunakan untuk tujuan-tujuan lain dan tujuan pembelian Gammon House itu sendiri mengikut Laporan Jawatankuasa itu telah dengan sendirinya memberi peningkatan nilai kepada saham-saham Carrian Investment Ltd. dan juga syarikat-syarikat yang lain. Nampaknya pembelian Gammon House adalah sebenarnya untuk menaikkan nilai saham ini dan bukannya untuk dijual

kepada Kerajaan Malaysia sebagaimana yang dikatakan oleh George Tan.

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan George Tan dan Dr Rais dalam perkara ini hanya sebagai “smoke screen”, dengan izin, bagi niat-niat yang sebenar golongan ini, dan Jawatankuasa Tan Sri Ahmad Noordin telah terperangkap dan telah terpedaya oleh mereka ini. Lebih buruk lagi Jawatankuasa ini membuat laporan mereka dalam perkara ini dengan tidak berasas dan logik serta mencemarkan imej Kerajaan dan juga nama baik Menteri-menterinya.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dalam Grand Marrine Holdings yang dibeli oleh George Tan dengan pinjaman sebanyak US\$138 juta dari BMF. Kenyataan Dr Rais Saniman mengenai apa yang dikatakan sebagai keputusan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato Musa Hitam untuk membeli Grand Marrine Holdings ini, telah dibuat tanpa pertimbangan. Soal siasat atau pertanyaan kepada Dato Musa sendiri tidak dilakukan hanya disebut oleh Jawatankuasa Penyiasatan dengan mencemarkan imej Kerajaan dan juga nama pemimpin. Jadi Dr Rais Saniman dan George Tan telah sekali lagi dengan secara tidak ikhlas menggunakan nama seorang Menteri kanan, untuk mereka mendapat pinjaman dari BMF bagi membeli Grand Marrine Holdings itu. Saya rasa jika ada Menteri yang lain singgah di Hong Kong ataupun diketahui oleh mereka ini ada Menteri-menteri yang akan singgah, mereka akan menggunakan facts ini untuk menipu BMF lagi, kalau BMF itu ada wang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kerana mengguna nama pemimpin adalah cara yang paling mudah untuk mempengaruhi segala permohonan yang dipinta, tambah-tambah lagi

negara kita yang sedang membangun ini, pemimpin sentiasa didampingi oleh rakyat dan tidak sunyi daripada rakyat sendiri memohon pertolongan daripada pemimpin. Sebagai menjaga hati banyak pemimpin tidak akan menolak dengan mentah-mentah dan kadang-kadang banyak rakyat yang bertanya peluang-peluang yang mereka akan cari daripada apa yang dikuasai oleh pihak tertentu. Tetapi ini tidaklah merupakan asas yang boleh menjadikan laporan Jawatankuasa ini dipercayai perkara yang berlaku seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, itu adalah hal mereka dan juga BMF, tetapi mengapakah pihak Jawatankuasa Tan Sri Ahmad Noordin tanpa berfikir sedalam-dalamnya, tanpa bertanya kepada Menteri-menteri dan pegawai-pegawai lain telah menggunakan kenyataan "hearsay", dengan izin, dan kenyataan palsu oleh pegawai-pegawai BMF yang menjadi "Villains of the drama", yang sedih ini untuk mencemarkan dan juga menimbulkan perasaan syak-wasangka di kalangan orang ramai tentang kewibawaan Menteri-menteri kita? Adakah tidak memeranjatkan kalau orang menuduhkan Jawatankuasa ini mempunyai motif lain kerana aspek-aspek ini. Itu tidaklah menjadi hairan kerana amat dipercayai kepada penjenayah ataupun orang-orang yang terlibat. Soal yang masih membimbangkan kita ialah apakah sebab dan tujuan Jawatankuasa Tan Sri Ahmad Noordin berbuat demikian. Adakah beliau ini kurang faham atau tidak sedar tentang cara beliau mengaitkan nama Kerajaan dan juga Menteri dalam Laporanannya? Apakah sebab beliau telah tidak cuba berhubung atau menyoal Menteri-menteri ini dan juga pegawai-pegawai Kerajaan atau pegawai-pegawai daripada Fleet Group untuk mendengar "their side of the story", iaitu untuk mendapatkan cerita-cerita

benar daripada apa yang mereka lakukan? Apakah Jawatankuasa ini berpendapat orang lain boleh dipercayai lebih daripada pegawai-pegawai Kerajaan dan juga dipercayai pihak orang-orang Carrian lebih daripada dipercayai Menteri-menteri kita atau pegawai-pegawai kita. Jadi cubalah Jawatankuasa ini terangkan apa sebab perkara ini dilakukan tanpa memberi perkara kesimpulan yang sebenarnya. Mungkin kita tidak akan tahu sebenarnya tujuan Jawatankuasa ini, tetapi mahu tidak mahu imej Kerajaan telah dijejaskan dan dicemarkan oleh perbuatan mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang akui bahawa peristiwa BMF ini adalah satu tragedi besar, sungguhpun pihak Bank Bumiputra dan Kerajaan bertanggungjawab, tetapi tidaklah bermakna segala kelemahan dan kegagalan mengawasi BMF dan juga Bank Bumiputra adalah berpunca daripada Kerajaan semata-mata.

Dari Laporan Akhir dan Kertas Putih amat nyata sekali kejadian yang kita tidak ingini ini adalah berpunca dari kelemahan Lembaga Pengarah dan juga pihak Pengurusan BMF itu sendiri. Dan kelemahan ini sudahpun dinyatakan dengan terang-terang di dalam Kertas Putih dan sukalah saya menegaskan atau menyebutkan sekali lagi bahawa kejadian yang buruk ini berpunca dari kurangnya pengawasan dan juga kawalan oleh Lembaga Pengarah dan juga Pengurusan Bank Bumiputra terhadap BMF.

Kita sudah sedia maklum dari Kertas Putih itu dan juga Laporan-laporan Akhir bahawa orang-orang bertanggungjawab mengawal dan mengawasi urusan BMF adalah terlibat sendiri dalam kes-kes yang telah membawa kerugian besar kepada Bank Bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, bukan Ahli dari Kota Melaka tidak sedar, tetapi mungkin sengaja buat tidak tahu. Bahawa mustahillah bagi Kerajaan untuk melibatkan diri dalam operasi harian bank yang dijalankan itu. Tugas-tugas ini adalah tanggungjawab pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah yang diberi amanah untuk menyempurnakan segala urusan menurut amalan bank yang lazim dan berhemah dan Kerajaan biasanya akan bertindak apabila berlaku sesuatu yang tidak diingini terhadap perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari Kota Melaka telah melaungkan pertanyaan apakah tindakan telah yang diambil oleh BBMB, khususnya Lembaga Pengarah dan pengurusan baru. Sebenarnya, Ahli Yang Berhormat ini tidakpun membaca dan membuat kajian dengan teliti Kertas Putih dan Laporan Penyiasatan ini telah pun tercatat bahawa tindakan-tindakan yang dilakukan oleh BBMB ini.

Kita mesti faham dan sedar lebih-lebih lagi Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, kalaulah beliau ini seorang peguam yang bijak dan pintar, beliau mestilah tahu tiap-tiap cadangan dan syor-syor yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Penyiasat kepada Bank Bumiputra mestilah ditimbang dengan teliti dan menyeluruh untuk menentukan tindakan yang wajar dan yang boleh diambil supaya tidak mengakibatkan apa-apa mudarat kepada bank. Malahan Jawatankuasa Penyiasat telah mengambil masa dua tahun lamanya untuk membuat laporan itu. Tentulah untuk mengambil tindakan juga akan memakan masa.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari Kota Melaka juga telah mencadangkan perbicaraan semula kes pembunuhan Jalil Ibrahim. Ini juga cadangan bagi orang yang tidak

berapa mahir dalam undang-undang dan membicara semula tanpa bukti-bukti baru dan amat mendukacitakan apabila dikatakan bahawa perkara ini berlaku arahan daripada Kuala Lumpur. Dan dua perkara ini merupakan satu soalan bahawa wakil Kota Melaka ini menyatakan perkara yang tidak benar di dalam Dewan ini.

Dan kembali kepada wakil tunggal daripada SDP, wakil Petaling yang dulunya duduk di "Blok C" suaranya lain, dan sekarang ini di "Blok F" suaranya sumbang sekali. Apakah berpindah kerusi dan pindah parti suaranya menjadi berlainan sekali?

Di dalam masalah dasar dan pentadbiran negara serta parti kita tidak boleh mengikut emotional ataupun melahirkan perasaan kekecewaan kita itu ataupun seseorang itu. Tidak semua di dalam dunia ini kita boleh menang selalu, ada kalanya kita kalah dan keciwa. Tetapi kekalahan dan kekecewaan itu jangan kita salahkan kepada orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, apakah rasuah menjadi-jadi sekarang ini kerana Yang Berhormat dari Petaling tidak menjadi Setiausaha Parlimen? Masa dulu rasuah tidak seperti sekarang, katanya. Apakah sekarang ini baru nampak rasuah yang terjadi. Sebenarnya kalau kita banding di antara negeri-negeri lain, negara kita adalah negara yang paling kurang berlaku rasuah. Apakah sekarang ini baru Yang Berhormat dari Petaling nampak ramai pemimpin-pemimpin yang "yes man"? Langsung disebut di dalam Dewan ini. Janganlah sudah tidak suka atau kita kahwin lain, kahwin dengan SDP, kita benci semuanya dan barulah kita nampak kesalahannya. Sebelum ini semuanya baik terutama apa yang kita suka.

Sepatutnya kita bersyukur kepada Allah s.w.t. dengan apa yang ada pada kita adalah lebih baik daripada

Saya amat kecewa dan sedih mengenai keseluruhan cerita penyelewengan kewangan BMF ini. Adalah satu yang menghinakan kepada etika dan nilai moral perniagaan. Saya tidak bersetuju dengan cara BBMB dan Kerajaan mengendalikan soal skandal pinjaman BMF dari mula hingga ke akhir. Cara melakukannya dan garis perbincangan tidak consistent dan adalah berlawanan. Ia mengandungi syak wasangka bahawa Kerajaan mungkin mempunyai sesuatu yang perlu disorokkan atau menyapukannya ke bawah permaidani atau barangkali mungkin ada seseorang yang mendapat perlindungan atas sebab yang diketahui oleh dirinya sendiri.

Adalah satu peringatan yang kena pada masanya dan waras kepada Kerajaan supaya mengambil perhatian mengenai dasar utama sesuatu Kerajaan yang bertanggungjawab yang mana simbolnya ialah akauntabiliti dan kredibiliti. Tanpanya sesuatu pentadbiran akan lembab dan seterusnya kehilangan kekuasaan dan mandat.

Saya terpaksa menyatakan bahawa skandal pentadbiran kewangan yang memeranjatkan dalam BMF itu ialah kesan langsung dari sikap tidak mengindahkan etika, moral dan akauntabiliti. Ia menjadi satu mockery pengurusan kewangan yang kukuh. Syarat utama pimpinan yang baik dan pentadbiran yang cekap, antara lain-lain syarat, mestilah meliputi juga tanggungjawab dan akauntabiliti, kecekapan dan kecermatan. Perihal BMF menunjukkan bahawa semua prinsip yang amat diperlukan itu kekurangan.

Skandal pinjaman BMF ialah satu pengalaman yang penuh kesengsaraan kepada pemegang syer Bank Bumiputra Malaysia Berhad terutamanya dan seluruh negeri amnya. Berjilid-jilid bukti yang tidak

boleh dipertikaikan menunjukkan keadaan sedih bahawa amalan yang tidak menurut etika dan moraliti yang begitu lama, dan permainan jenayah yang telah menjejaskan operasi bank utama negara kita. Kemuncaknya, satu pembunuhan telah dilakukan ekoran dari skandal ini.

Kerajaan adalah terikat dengan apa juga standard tanggungjawab dan akauntabiliti, malah secara yang lebih baik memberikan Dewan ini dan rakyat satu laporan penuh berhubung keadaan terakhir dalam BMF. Kerajaan bertanggungjawab memaklumkan, sementara rakyat berhak untuk mengetahuinya dan Dewan ini ialah tempat istimewa untuk melakukannya.

Kepada saya, soalan utama yang perlu dijawab adalah seperti berikut:

- (1) Berapa banyak jumlah kerugian yang sebenar berpunca dari skandal BMF? Adakah \$2.5 billion ataupun lebih?
- (2) Apakah langkah yang diambil untuk menyelamatkan pinjaman yang diberikan oleh BMF? Berapa banyak jumlah pinjaman seumpama itu? Berapa banyak pinjaman yang telah didapatkan balik?
- (3) Selaras dengan penerbitan Laporan Akhir dan Kertas Putih, adakah tindakan yang berterusan akan diambil untuk membawa pihak yang salah ke muka pengadilan, tidak kira taraf dan kedudukan?

Untuk meletakkan perkara ini secara mudah, Kerajaan telah merumitkan caranya dalam mengendalikan skandal pinjaman BMF. Sekarang terdapat satu jurang kredibiliti yang besar mengenai Kerajaan. Rakyat dan golongan

peniaga telah hilang keyakinan dan skandal BMF ialah satu faktor pemusnah. Inilah masanya bagi Kerajaan menyedari dan menerima dan mengakui kesilapan dan mengambil langkah menyelesaikan masalah dan kesusahan secara positif.

Tuan Yang di-Pertua, kegagalan untuk mengusahakan tindakan positif akan mendatangkan kesan yang tidak baik. Pada akhirnya yang menanggung kerugian ialah rakyat dan negara terutamanya dalam saat ekonomi negara yang meleset sekarang. Tentulah pula, imej dan kredibiliti atau apa sahaja tentang Kerajaan akan terjejas dan merosot.

Kerajaan telah memilih masa untuk mengeluarkan Laporan Akhir dan Kertas Putih ke atas skandal pinjaman BMF dengan tujuan untuk menafikan Ahli-ahli Parlimen masa yang secukupnya untuk mengkaji dokumen-dokumen yang berjilid-jilid secara mendalam. Walau bagaimanapun, saya telah meneliti bahagian-bahagian dari berbagai dokumen yang nampaknya kepada saya menjadi minat orang ramai dengan masa yang terhad.

Saya mendapati bahawa suatu yang curang dan tidak menurut etika bank telah berlaku dalam BMF.

Pendedahan yang terkandung dalam Laporan Akhir dan Special Brief berkaitan dengan cara yang tidak betul tentang isu pinjaman sejumlah US\$292 juta dan US\$580 juta oleh BMF kepada George Tan dan Kumpulan Carrian di samping pinjaman menyelamatkan kepada Kumpulan Carrian yang dikatakan sangat mengejutkan.

Saya menjemput Ahli-ahli Dewan ini supaya menumpukan perhatian kepada beberapa bahagian yang menarik perhatian saya, yang

menunjukkan berlakunya irregularity, dengan izin, dan kecurangan dan juga termasuk perbuatan jenayah. Sekarang izinkan saya merujuk kepada beberapa bahagian yang ada berkaitan:

Pertama ialah Laporan Jawatankuasa Penyiasat BMF, Jilid II, mukasurat 834, perenggan 75.7 dan juga Special Brief, Bahagian I, mukasurat 5, perenggan 1.4 dan juga termasuk Jawatankuasa Penyiasat BMF, Laporan Akhir, Jilid II, mukasurat 849, perenggan 75.22 dan Special Brief, Bahagian II, mukasurat 10, perenggan 1.4 dan Special Brief, Bahagian III, mukasurat 5, perenggan 1.3.

Oleh kerana rasa saya masa sangat singkat maka saya tidak bercadang untuk membacanya. Saya menyebut ini sebagai satu rujukan untuk perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dengan rujukan kepada di atas, adalah mungkin untuk membuat beberapa pemerhatian yang sah:

- (1) Bahawa satu pelan bersepadu yang tersusun yang mengandungi kakitangan BMF dan ahli-ahli perniagaan besar di Hong Kong dan lain-lain tempat dan juga lain-lain ahli-ahli profesional dan orang perseorangan yang terkenal dan tidak terkenal bagi membantu mereka mendapatkan wang BMF untuk kepentingan mereka tanpa mengira kepentingan utama BMF.
- (2) Bahawa pakatan ataupun plan yang bersepadu sebagaimana yang dirujuk kepada perkara yang pertama sudah terjadi. Kalau tidak, bagaimana boleh jumlah besar seperti US\$292 juta, US\$580 dan juga US\$81.7 juta berkaitan dengan urusan berasingan dibuat

dalam tuduhan dan tohmah yang samar-samar yang laksana memukul rambang sahaja itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kalau ada bukti yang jelas dan tegas pihak yang berkenaan sudah tentu akan mengambil tindakan undang-undang terhadap sesiapa sahaja yang melakukan kecurangan dan penipuan yang menjolok mata ini sebagaimana diakui berkali-kali oleh pihak Kerajaan dan pihak BBMB. Negara ini negara undang-undang dan kita tidak seharusnya bermain lempar batu sembunyi tangan, ini tidak bertanggjawab namanya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai skandal BMF ini dapat saya simpulkan bahawa semua angkara kecurangan dan penipuan ini berlaku adalah akibat dari kelemahan kawalan dan penyeliaan sebagaimana laporan yang telah dikemukakan oleh pihak Bank Negara Malaysia pada 30hb September, 1982 dahulu. Tuan Yang di-Pertua, ini semua kerana gara-gara manusia ingin menjadi kaya segera menerusi cara yang mudah dan sekarang lihatlah betapa padahnya.

Tuan Yang di-Pertua, dua Kertas Putih dibentangkan dalam Dewan ini merupakan suatu ujian berat yang dihadapi oleh Kerajaan, yang satu mengenai penyelewengan dalam kewangan, dan yang satu lagi mengenai sikap ekstrim dalam perjuangan. Perjuangan satu golongan ahli politik yang mahu mencapai cita-cita poltiik secara cepat, radikal dan nekad sebagaimana orang-orang yang ingin cepat dapat wang, cepat jadi jutawan, sekarang sama-sama menemui akibat dan padahnya, yang satu menunggu proses untuk diseret ke penjara dan satu lagi terus bersemadi di pusara.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari Jumaat yang lepas sahabat saya Wakil dari Pengkalan Chepa telah cuba

membela anak buahnya yang telah terkorban di Memali dalam Dewan yang mulia ini dengan tegas menyebutnya sebagai Alsyahid Ibrahim Libya. Saya tidak mahu memperkatakan sesuatu terhadap orang yang telah mati, Tuan Yang di-Pertua, kerana mengikut pengajaran Islam sebutlah yang baik-baik terhadap si mati, yang buruk dan tidak elok jangan disebut dan dibicarakan. Di sini apa yang hendak saya katakan ialah tentang yang hidup. Apa lagi kalau yang hidup itu berlagak sebagai orang alim, sebagai tuan guru, sebagai ulama yang "tabahhur" ilmunya tetapi lagak tidak sebagaimana lagu, tidak seimbang dengan watak, kelakuan dan pembawaannya (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, orang alim atau ulama sejati tidak celupar lidahnya. Tawaduk orangnya, tidak merendah-rendah dan menghina orang, makin tinggi ilmunya, makin terasa jahilnya, makin dipuja dan dipuji makin kecil dan kerdil dirinya di hadapan kebesaran Tuhan Rabbul Jalil. Tidak mudah menghukum orang lain salah tetapi lebih banyak mengukur dirinya sendiri lebih dahulu, tidak mudah mengatakan orang zalim, jahat dan kejam tetapi bila mendapat kuasa di tangan sedikit sahaja terus menghukum orang, pecat, buang dan gantung. Ibarat mengata dulang paku serpih, mengata orang padahal akulah yang lebih.

Tuan Yang di-Pertua, Wakil Pengkalan Chepa telah mengisytiharkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa sekarang zaman fatwa telah berlalu, zaman menerima fatwa dari atasan sudah berlalu, Islam bukan tegak atas fatwa katanya. Jadi sekarang telah jelas kepada seluruh rakyat di negara ini bahawa Wakil dari Pengkalan Chepa yang juga menjadi Ketua Dewan Ulama PAS sudah tidak lagi mengakui fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam seluruh Malaysia termasuk

Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia. Ulama-ulama yang ada dalam jemaah iftak Majlis-majlis Agama Islam Malaysia itu merupakan ulama-ulama atasan, ulama upahan, ulama khurafat digelar oleh pemimpin-pemimpin PAS dan dimeterikan oleh Ketua Dewan Ulama yang menjadi Wakil dari Pengkalan Chepa dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa sungguh sedih dan dukacita di atas sikap seorang yang mengakui dirinya alim dan ulama sanggup menyindir dan merendah-rendahkan ulama yang lain yang kebetulan tidak menjadi Ahli dalam Dewan ini untuk membela dirinya.

Tuan Yang di-Pertua, ulama-ulama dalam Majlis Agama Islam di seluruh Malaysia ini adalah merupakan penasihat-penasihat Kebawah Duli-duli Yang Maha Mulia Al-Sultan mengenai masalah dan hukum agama dalam negeri masing-masing. Ulama-ulama itu bukan sebarangan orangnya, ada yang hafaz sepenuh Kitab suci Al-Quran, mempunyai kelulusan dan ijazah pengajian tinggi Islam di Mekkatul Mukarramah dan Azhar

Universiti, Khahirah dan di lain-lain tempat lagi, mempunyai keupayaan dan kebolehan dan berkewibawaan yang tinggi dalam bidang Ilmu Tafsir, Hadis, Fiqah, Perundangan Islam dan lain-lain lagi, kenapakah ulama-ulama yang seperti ini disindir dan dihina, digelar ulama atasan, ulama upahan, ulama khurafat kerana semata-mata berlainan pendapat dalam menentukan hukum dan fatwa mengenai ulama-ulama PAS terutama mengenai masalah fatwa mati syahid dalam Peristiwa Memali yang mengorbankan 14 orang anggota PAS itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya teringat kepada kesah dalam Al-Quranul karim

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat diminta menyambung pada esok hari. Masa sudah cukup.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.